

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

61 PERSPEKTIF KESELURUHAN

62 EKONOMI 2024

EKONOMI GLOBAL

Rencana 2.1 – Malaysia sebagai Gerbang Kemakmuran ASEAN

EKONOMI DOMESTIK

Sisipan 2.1 – Pelan Tindakan KL20: Memperkasakan Kuala Lumpur sebagai Hub Syarikat Pemula Global

Sisipan 2.2 – Pengukuhan Industri Semikonduktor melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030

Rencana 2.2 – Analisis Sensitiviti Perdagangan Malaysia terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Impak Senario Ekonomi di China dan AS terhadap Eksport Kasar Malaysia

100 TINJAUAN 2025

TINJAUAN GLOBAL

TINJAUAN DOMESTIK

Rencana 2.3 – Menggalakkan Mobiliti Hijau dalam Memacu Negara ke Hadapan

Sisipan 2.3 – Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura: Memperkuh Kerjasama Dua Hala ke Arah Meningkatkan Potensi Pertumbuhan

Rencana 2.4 – Memperkasakan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Malaysia: Membuka Peluang Pelaburan untuk Memacu Pertumbuhan dan Pembangunan Sosial

121 KESIMPULAN

123 RUJUKAN

BAB 2

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Kerangka Ekonomi MADANI melonjak pertumbuhan ekonomi Malaysia

Ekonomi global dijangka kekal kukuh pada 2024 dan 2025 berikutan pertumbuhan stabil dalam kebanyakan ekonomi utama. Kadar inflasi terus mereda selaras dengan harga tenaga dan pasaran buruh yang menyederhana. Perdagangan antarabangsa dijangka mengukuh meskipun terdapat peningkatan ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar.

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan disokong oleh prestasi ekonomi yang memberangsangkan walaupun berhadapan cabaran berterusan dalam persekitaran luar. Keadaan ini menunjukkan asas ekonomi negara yang kukuh, kepelbagaian aktiviti ekonomi dan keyakinan pelabur terhadap pasaran domestik serta diperkukuh oleh dasar Kerajaan yang jelas. Tambahan pula, kerangka Ekonomi MADANI yang memberikan tumpuan kepada penstrukturan semula dan pembaharuan agenda ekonomi Malaysia serta pelaksanaan pelan dasar utama seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) telah mula menunjukkan keberhasilan yang positif. Pada separuh pertama 2024, ekonomi negara mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 5.1% didorong oleh permintaan domestik yang kukuh di samping eksport yang terus berkembang serta pertumbuhan positif dalam semua sektor ekonomi. Momentum

pertumbuhan ini dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini meskipun pada kadar yang sederhana. Secara keseluruhan, KDNK benar pada 2024 disemak naik antara 4.8% hingga 5.3% melebihi sasaran awal antara 4% hingga 5%.

Pada 2025, ekonomi diunjur berkembang antara 4.5% hingga 5.5%. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan yang disumbangkan oleh aktiviti pelancongan, eksport yang berterusan serta aktiviti berkaitan ICT yang rancak. Industri berkaitan pelancongan terutamanya segmen makanan & minuman, penginapan dan perdagangan runcit dijangka terus meningkat manakala segmen perdagangan borong serta pengangkutan udara dan air akan mendapat manfaat daripada aktiviti berkaitan perdagangan yang berterusan. Industri seperti utiliti dan perkhidmatan profesional dijangka berkembang seiring dengan kepesatan perkembangan ICT terutamanya pusat data. Sektor pembuatan dijangka terus berkembang berikutan prestasi lebih baik dalam industri berorientasikan eksport terutamanya segmen E&E didorong oleh permintaan luar untuk semikonduktor yang semakin meningkat. Selain itu, industri berorientasikan domestik dijangka kekal menggalakkan selaras dengan penggunaan dan pelaburan domestik yang lebih tinggi. Sektor pembinaan dijangka mengukuh disumbangkan oleh pertumbuhan dalam semua subsektor. Prospek bagi sektor pertanian kekal positif disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan permintaan daripada industri berkaitan makanan. Sebaliknya, sektor perlombongan

dijangka merosot secara marginal disebabkan oleh penutupan loji berjadual bagi tujuan penyelenggaraan.

Dari sudut permintaan, pertumbuhan akan disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang kukuh dan perdagangan global yang stabil. Penggunaan swasta yang menyumbang sekitar 60% kepada ekonomi diunjur terus menerajui pertumbuhan disokong oleh pasaran buruh dan pertumbuhan pendapatan yang kukuh dalam persekitaran inflasi yang terkawal. Pembentukan modal tetap kasar atau jumlah pelaburan kekal tinggi didorong oleh pelaburan swasta yang direalisasikan, penyegeraan pelaksanaan projek strategik sektor awam dan inisiatif di bawah Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) serta projek baharu dan sedia ada yang berbilang tahun dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Sektor luar negeri diunjur terus berkembang pada 2025 disokong oleh permintaan global yang stabil. Aktiviti perdagangan yang menggalakkan dijangka menyumbang kepada lebihan dalam akaun barangan manakala akaun perkhidmatan dijangka mencatat defisit lebih kecil disumbangkan oleh aktiviti pelancongan yang lebih kukuh. Akaun pendapatan diunjur terus merekodkan aliran keluar bersih berikutan peningkatan aktiviti pelaburan. Sehubungan itu, akaun semasa dijangka mencatat lebihan sebanyak RM49.1 bilion atau 2.4% daripada pendapatan negara kasar (PNK).

Dari sudut pendapatan, pampasan pekerja (PP) dijangka meningkat disokong oleh antaranya pelaksanaan kadar gaji minimum

baharu dan pelarasan kenaikan gaji penjawat awam. Peningkatan PP juga disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang mampan seterusnya menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Malaysia yang mengamalkan ekonomi terbuka kekal terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran global yang berupaya menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan tersebut termasuk ketegangan geopolitik yang meruncing, gangguan rantai bekalan, turun naik pasaran kewangan dan prospek pertumbuhan ekonomi yang tidak sekata antara negara. Justeru, Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah dan inisiatif pragmatik yang berterusan demi mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Ekonomi 2024

Ekonomi Global


Pertumbuhan kekal berdaya tahan dalam ketidaktentuan

Ekonomi global diunjur stabil pada kadar 3.2% pada 2024 berikutan penjajaran pertumbuhan dalam kalangan ekonomi maju. Negara maju dijangka kekal mencatat pertumbuhan sebanyak 1.7%. Ekonomi AS dijangka berkembang sebanyak 2.6% didorong oleh penggunaan domestik yang berterusan manakala kawasan euro dianggar meningkat secara marginal sebanyak 0.9% dengan pertumbuhan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan eksport yang lebih tinggi. Sementara itu, Jepun dijangka mencatat pertumbuhan lebih perlahan pada kadar 0.7% disebabkan oleh

gangguan rantaian bekalan dan pelaburan domestik yang lembap. Pertumbuhan pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun (EMDE) dianggarkan berkembang sebanyak 4.3% disokong oleh kemampuan penggunaan swasta dan eksport di Asia. Ekonomi China dijangka meningkat pada kadar 5% didorong oleh perbelanjaan pengguna dan eksport manakala India diunjur mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 7% disokong oleh permintaan domestik yang teguh. Pertumbuhan dalam kalangan ASEAN-5 diunjur terus mengukuh pada kadar 4.5%.

Perdagangan dunia dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 3.1% pada 2024 sejajar dengan kestabilan pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh pengukuhan aktiviti perdagangan terutamanya dalam sektor berkaitan teknologi. **Inflasi global** terus mereda kepada 5.9% disumbangkan oleh harga tenaga dan pasaran buruh yang menyederhana. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dianggarkan kekal tinggi dalam kalangan EMDE berbanding ekonomi maju.

RAJAH 2.1. *Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, Perdagangan dan Inflasi Global 2023 - 2025 (% perubahan)*



¹ Anggaran
² Unjuran

Nota: Perdagangan bagi Ekonomi Maju serta Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun merujuk kepada purata volum eksport dan import bagi barangan dan perkhidmatan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook Update (Julai 2024)

RENCANA 2.1

Malaysia sebagai Gerbang Kemakmuran ASEAN

Pengenalan

ASEAN merupakan model kerjasama dan integrasi serantau yang berpengaruh dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan pembangunan budaya di Asia Tenggara. Sejak ditubuhkan pada 1967, ASEAN telah berkembang merangkumi 10 negara anggota yang memainkan peranan penting dalam memastikan kestabilan dan kemakmuran rantau ini. Visi ASEAN diwujudkan melalui moto "Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti" yang menggerakkan usaha mewujudkan komuniti bersatu dan berdaya tahan seterusnya mampu bersaing di persada global. ASEAN sedang melalui fasa transformasi yang menjanjikan pertumbuhan inklusif dan kemakmuran kepada negara anggota. Organisasi antara kerajaan serantau ini menjadi asas kepada kerjasama ekonomi dan integrasi di Asia Tenggara dan kini bersedia melonjak ke tahap pembangunan ekonomi yang lebih tinggi.

ASEAN dijangka terus kekal sebagai antara rantau ekonomi global yang paling pesat berkembang dalam dekad akan datang. ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi ASEAN meningkat sebanyak 4.7% pada 2024 berbanding 4.2% pada 2023. Bank Pembangunan Asia pula menjangkakan rantau ini bakal menjadi ekonomi keempat terbesar

dunia menjelang 2030. Dalam tempoh 2013 hingga 2023, jumlah perdagangan barangan ASEAN dengan rakan dagang serantau dan global mencatat purata pertumbuhan tahunan yang stabil sebanyak 3.5% iaitu daripada USD2,533.1 bilion pada 2013 kepada USD3,560.1 bilion pada 2023. Di samping itu, ASEAN mencatat aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang kukuh bernilai USD165.1 bilion dalam tempoh sebelum COVID-19 dengan Malaysia menerima pelaburan sebanyak USD7.8 bilion. Pascapandemik, FDI ASEAN melonjak dengan ketara kepada USD223.5 bilion pada 2022 dengan pelaburan yang diterima oleh Malaysia meningkat lebih dua kali ganda kepada USD16.9 bilion. Perkembangan tersebut bukan sahaja menyerlahkan daya tahan ASEAN sebagai destinasi pelaburan utama tetapi juga kepentingan strategik dalam rangkaian nilai global.

Kelebihan Daya Saing Malaysia: Memanfaatkan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025

Malaysia sebagai antara negara anggota pengasas ASEAN menawarkan pelbagai peluang merentas sektor. Kedudukan strategik dan asas ekonomi Malaysia yang kukuh dilihat pelabur sebagai gerbang ASEAN yang menawarkan kelebihan unik dalam bidang strategik seperti elektrik dan elektronik (E&E), kecerdasan buatan (AI), pelancongan perubatan serta inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Menjelang kepengerusian ASEAN pada 2025, Malaysia akan memberikan tumpuan kepada pengukuhan kerjasama serantau dalam bidang tersebut. Usaha ini melibatkan penyertaan sektor swasta dan usahawan tempatan untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan yang mencerminkan komitmen Malaysia dalam menggalakkan inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

Selaku Pengerusi, Malaysia akan memperkenalkan Konsep Komuniti ASEAN 2045 bagi meningkatkan kerjasama dalam kalangan negara anggota, mengeratkan perpaduan, merapatkan jurang perbezaan serta memupuk keharmonian untuk kemakmuran ekonomi serantau. Selain itu, Konsep ini akan memperluas lagi kerjasama komuniti ASEAN bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi turut meliputi aspek ketersambungan, pengagihan tenaga dan infrastruktur. Kepengerusian ini juga mencerminkan hala tuju Malaysia ke arah merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI untuk menjadi peneraju ekonomi Asia.

Elektrik dan Elektronik

Industri E&E Malaysia merupakan antara penyumbang utama kepada KDNK, pelaburan dan peluang pekerjaan. Lokasi yang strategik serta infrastruktur yang komprehensif membolehkan Malaysia menawarkan akses kepada pasaran global yang merangkumi lebih empat bilion penduduk melalui pelbagai perjanjian perdagangan bebas (FTA). Kedudukan strategik dalam rangkaian bekalan semikonduktor Asia memberikan kelebihan kepada Malaysia dalam menarik pelaburan yang besar dan berkualiti serta meningkatkan peluang pekerjaan dalam industri ini.

Malaysia kini menyumbang 13% daripada pasaran pengujian dan pembungkusan semikonduktor global dan menjadi pengeksport semikonduktor keenam terbesar dunia. Industri ini merangkumi 60% daripada jumlah eksport E&E negara. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025, Kerajaan menyasarkan sumbangan industri E&E sebanyak RM120 bilion kepada KDNK menjelang 2025. Pada 2023, industri E&E telah menyumbang sebanyak 7.5% kepada KDNK bernilai RM117.7 bilion. Di samping itu, Malaysia telah melancarkan Strategi Semikonduktor Kebangsaan yang bertujuan mengukuhkan peranan negara dalam rangkaian bekalan semikonduktor global. Strategi ini disokong oleh peningkatan permintaan terhadap produk E&E yang dipacu oleh perkembangan sektor kenderaan elektrik (EV), tenaga boleh baharu (TBB), aeroangkasa dan ekonomi digital.

Kecerdasan Buatan

Pakar antarabangsa berpandangan AI berpotensi menyumbang sekitar USD1 trilion kepada KDNK Asia Tenggara menjelang 2030 dengan Malaysia dijangka meraih USD115 bilion daripada jumlah ini. Malaysia berada pada landasan untuk muncul sebagai hab AI di rantau ini berikutan sambutan yang semakin menggalakkan daripada pemain teknologi global. Microsoft telah menyatakan komitmen untuk melabur USD2.2 bilion dalam tempoh empat tahun bagi mempercepat transformasi digital Malaysia termasuk membina infrastruktur awan dan AI, mewujudkan peluang kemahiran AI untuk 200,000 orang serta menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan AI. Selain itu, Oracle telah menyatakan hasrat untuk melabur sebanyak USD6.5 bilion bagi menubuhkan pusat awan awam serantau di Malaysia.

Seperti yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021 – 2025, AI akan dimanfaatkan untuk membangunkan ekosistem inovasi yang mampan dan dinamik seterusnya membolehkan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi dan berteknologi tinggi. Menjelang Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, Kerajaan komited untuk menggalakkan kerjasama dengan rakan dagang global dan memajukan ekonomi digital selaras dengan Pelan Induk Digital ASEAN 2025 dan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN.

Pelancongan Perubatan

Pelancongan perubatan telah dikenal pasti sebagai antara industri khusus di Malaysia yang menawarkan peluang menarik bagi negara anggota ASEAN untuk meluaskan pilihan penjagaan kesihatan dan meneroka peluang baharu bagi pertumbuhan ekonomi. Sistem penjagaan kesihatan terbaik dan kepakaran perubatan yang luas serta rawatan dan fasiliti yang mesra Muslim menjadikan Malaysia sebagai hab pelancongan perubatan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi pada harga yang kompetitif kepada pelancong perubatan. Pada 2023, hasil daripada pelancongan perubatan di Malaysia mencapai RM2.25 bilion iaitu meningkat hampir empat kali ganda berbanding 2021. Kerajaan telah memainkan peranan penting dengan menggalakkan pelancongan perubatan melalui dasar strategik termasuk melonggarkan sekatan visa, melabur dalam infrastruktur penjagaan kesihatan dan mempromosikan Malaysia sebagai hab pelancongan perubatan secara berterusan.

Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Penyepaduan prinsip ESG Malaysia mencerminkan komitmen terhadap pembangunan mampan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Tumpuan negara terhadap amalan ESG disokong oleh kerjasama seperti Taksonomi ASEAN dan ASEAN-Interconnected Sustainability Ecosystem yang bertujuan menggalakkan pembangunan mampan melalui pelaksanaan rangka kerja bersama untuk ESG dalam kalangan negara anggota. Di samping itu, Rangka Kerja Kebangsaan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Industri (i-ESG) telah dibangunkan untuk menyokong firma Malaysia mematuhi piawaian ESG antarabangsa dalam sektor pembuatan.

Kesimpulan

Malaysia berpotensi menyumbang kepada ASEAN yang lebih berdaya tahan, inklusif dan makmur dengan menangani cabaran serta memanfaatkan peluang sedia ada. Malaysia dapat memacu ASEAN ke arah kemakmuran ekonomi dan integrasi serantau yang lebih baik dengan memanfaatkan sumber dan infrastruktur digital disokong oleh Kerajaan yang stabil dan dasar yang jelas. Justeru, Malaysia akan mempererat kerjasama dalam kalangan anggota ASEAN untuk mengharmonikan dasar, menyeragamkan peraturan dan meningkatkan perdagangan rentas sempadan demi mewujudkan ASEAN yang lebih kukuh.

Ekonomi Domestik

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Mengekalkan trajektori pertumbuhan

Sektor **perkhidmatan** berkembang sebanyak 5.4% pada separuh pertama 2024 dan dijangka kekal stabil pada separuh kedua didorong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh berikutan peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan dan perjalanan. Secara keseluruhan, sektor ini diunjur berkembang sebanyak 5.3% pada 2024 dengan kesemua subsektor mencatat pertumbuhan positif.

JADUAL 2.1. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Sektor, 2023 – 2025 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2024 ¹	2023	2024 ¹	2025 ²
Perkhidmatan	59.4	5.1	5.3	5.5
Pembuatan	23.2	0.7	4.1	4.5
Pertanian	6.2	0.7	2.0	1.9
Perlombongan	6.1	0.5	2.2	-1.0
Pembinaan	3.9	6.1	14.1	9.4
KDNK	100.0	3.6	4.8 – 5.3	4.5 – 5.5

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat sebanyak 4.3% pada separuh pertama 2024 dengan pertumbuhan yang berterusan terutamanya dalam segmen perdagangan runcit dan kenderaan bermotor dipacu oleh perbelanjaan pengguna yang bertambah baik. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 4% pada separuh

JADUAL 2.2. Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2023 – 2025 (pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2024 ¹	2023	2024 ¹	2025 ²
Perdagangan borong dan runcit	30.0	5.9	4.1	4.7
Kewangan dan insurans	11.3	-2.3	5.7	4.7
Maklumat dan komunikasi	10.8	3.6	3.1	2.6
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	7.9	8.7	8.6	6.3
Pengangkutan dan penyimpanan	7.1	13.8	10.6	10.4
Makanan & minuman dan penginapan	5.1	7.7	5.8	6.2
Utiliti	4.4	2.6	4.3	5.9
Perkhidmatan lain	7.9	6.3	5.4	5.4
Perkhidmatan kerajaan	15.5	4.7	5.0	6.7
Perkhidmatan	100.0	5.1	5.3	5.5

¹ Anggaran


² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

kedua 2024 disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua segmen terutamanya perdagangan runcit dengan jangkaan peningkatan ketibaan dan perbelanjaan pelancong di samping perbelanjaan isi rumah yang terus berdaya tahan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil serta pelaksanaan pelbagai program bantuan kewangan. Segmen kenderaan bermotor turut dijangka kekal kukuh berikutan permintaan tinggi untuk kenderaan baharu terutamanya kenderaan elektrik (EV) dan hibrid yang mencatat peningkatan jualan ketara di samping tempahan yang terus meningkat untuk kereta bersaiz kecil. Prestasi ini telah mendorong pihak industri menyemak semula sasaran jualan kenderaan daripada 740,000 kepada 765,000 unit bagi 2024. Justeru, subsektor ini diunjur berkembang sebanyak 4.1% pada 2024.

RAJAH 2.2. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



¹ Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holding Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 10.7% pada separuh pertama 2024 dipacu oleh segmen pengangkutan darat dan udara. Prestasi memberangsangkan ini disokong oleh peningkatan jumlah trafik di lapangan terbang sebanyak 15.3% kepada 46.6 juta penumpang dan lebuhraya bertol sebanyak 6.5% kepada satu bilion kenderaan. Prestasi kukuh subsektor ini diunjur berterusan ke separuh kedua 2024 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 10.4%. Segmen pengangkutan darat dijangka berkembang didorong oleh peningkatan penumpang pengangkutan rel dan bas di Lembah Klang. Sementara itu, pertumbuhan segmen pengangkutan udara dijangka kekal stabil sejajar dengan jumlah trafik penumpang udara yang lebih tinggi di samping pengenalan semula laluan antarabangsa dan penghantaran pesawat baharu serta program pengecualian visa untuk pelancong dari China dan India. Segmen pengangkutan air dijangka berkembang disokong oleh prestasi perdagangan yang berterusan terutamanya eksport barangan pembuatan dan pertanian. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 10.6% pada 2024.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang sebanyak 9.1% pada separuh pertama 2024 disokong oleh permintaan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan profesional khususnya aktiviti berkaitan kejuruteraan. Pada separuh kedua 2024, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 8.1% disokong oleh peningkatan aktiviti urus niaga jualan daripada pemaaju kepada pembeli dalam segmen hartanah dan permintaan untuk perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal. Di samping itu, penambahbaikan skim visa Malaysia Rumah Kedua Ku pada Jun 2024 terus menyokong

jualan segmen harta tanah mewah tempatan. Subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 8.6% pada 2024.

Subsektor kewangan dan insurans meningkat sebanyak 5.2% pada separuh pertama 2024 disumbangkan oleh pertumbuhan kredit dan pendapatan perkhidmatan pengantaraan kewangan yang lebih tinggi dalam segmen perbankan manakala segmen insurans mencatat pertumbuhan positif berikutan lonjakan dalam pendapatan premium. Pada separuh kedua 2024, subsektor kewangan dan insurans diunjur berkembang sebanyak 6.1% seiring dengan pertumbuhan dalam semua segmen. Di samping itu, segmen perbankan dijangka mencatat pertumbuhan stabil berikutan permintaan berterusan untuk kemudahan kredit manakala segmen insurans akan dipacu oleh pendapatan premium yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka kembali pulih sebanyak 5.7% pada 2024.

Subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 3% pada separuh pertama 2024 didorong oleh segmen telekomunikasi. Pada separuh kedua 2024, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.2% disokong oleh peningkatan dalam perkhidmatan berasaskan digital, aktiviti perdagangan sosial¹ serta penstriman kandungan hiburan dan acara sukan utama. Selain itu, penggunaan perkhidmatan digital terutamanya kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan dan pengaturcaraan keselamatan siber dijangka memacu pertumbuhan subsektor ini. Di samping itu, pakej langganan internet mudah alih untuk penjawat awam, pelajar dan pengamal media dijangka terus meningkatkan kadar langganan internet. Justeru, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2024.

¹ Aktiviti perdagangan sosial merujuk kepada jual beli produk atau perkhidmatan melalui platform media sosial.

SISIPAN 2.1

Pelan Tindakan KL20: Memperkasakan Kuala Lumpur sebagai Hub Syarikat Pemula Global


Pengenalan

The Global Startup Ecosystem Report 2024 menyenaraikan Kuala Lumpur dalam kalangan 21–30 ekosistem membangun terbaik dengan nilai USD47 bilion. Kerajaan akan memberikan keutamaan kepada industri berasaskan digital dan teknologi di bawah rangka kerja inisiatif pertumbuhan dan nilai tinggi (GHV) dengan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab strategik utama untuk syarikat pemula di Asia Tenggara dan mencapai kedudukan 20 teratas pada peringkat global menjelang 2030. Inisiatif ini akan menyokong aspirasi kerangka Ekonomi MADANI untuk meletakkan Malaysia dalam kalangan 30 ekonomi teratas pada peringkat global.

Pelan Tindakan KL20

Pelan Tindakan KL20 (KL20) telah dirangka secara strategik untuk mengukuhkan ekosistem syarikat pemula negara dan menetapkan matlamat khusus yang perlu dicapai menjelang 2030 seperti dalam Rajah 2.1.1.











RAJAH 2.1.1. Sasaran KL20 Menjelang 2030



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Pelan Tindakan ini menekankan lima tumpuan utama dan beberapa inisiatif untuk mentransformasi ekosistem secara menyeluruh seperti dalam Rajah 2.1.2. Pembaharuan yang jelas telah digariskan di bawah KL20 untuk menyatukan pihak berkepentingan utama termasuk pengasas, pelabur modal teroka, bakat, inkubator dan pemacu dengan agenda nasional. Langkah penyatuan ini mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam bidang yang memiliki potensi pertumbuhan tinggi selain dapat meningkatkan nilai sosioekonomi. Inisiatif tersebut turut memanfaatkan PKS dan usahawan menerusi pembiayaan dan sokongan perniagaan serta memudah cara pelaburan dan peluang kerjasama yang membolehkan usahawan mengembangkan perniagaan dan berinovasi dengan lebih berkesan.

RAJAH 2.1.2. Tumpuan Utama dan Inisiatif KL20

Tumpuan Utama	Inisiatif	Status
Komuniti syarikat pemula yang dinamik	KL Innovation Belt Hab inovasi (co-working space) yang menghimpunkan pemain ekosistem di satu lokasi untuk memudahkan jaringan kerjasama.	
	Unicorn Golden Pass Inisiatif untuk syarikat pemula global berpotensi tinggi menubuhkan pejabat di Malaysia yang berperanan sebagai daya tarikan bagi hab inovasi dan mewujudkan kelompok bakat dalam bidang teknologi.	
Akses pasaran yang besar	Startup City Connect Kerjasama dan integrasi antara Malaysia dengan negara lain penting bagi melancarkan operasi syarikat pemula untuk merentasi pasaran antarabangsa.	
Ketersediaan dana pada semua peringkat	VC Golden Pass Inisiatif bagi modal teroka serantau yang mempunyai rekod prestasi kukuh untuk menubuhkan pejabat di Malaysia bagi melabur dalam ekosistem syarikat pemula tempatan.	
	VC Launch Fund Pembangunan pengurus dana modal teroka tempatan baharu untuk meluaskan pilihan pembiayaan dan pelaburan bagi syarikat pemula di Malaysia terutamanya pada peringkat awal perniagaan.	
	VC Academy Program untuk meningkatkan kemahiran profesional modal teroka yang ingin melibatkan diri dalam industri modal teroka.	
	Startup Seed Grants Inisiatif bagi syarikat pemula pada peringkat awal perniagaan untuk mengakses pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan.	
Akses kepada bakat berkemahiran tinggi	Innovation Pass Program visa yang holistik kepada pengasas dan bakat untuk bekerja di Malaysia.	
	Founder & Talent Relocation Service (Swiftshift) Perkhidmatan sehenti untuk memudah cara penghijrahan bakat luar negara ke Malaysia.	
	Executive Digital Leadership Program tiga bulan untuk melengkapkan pemimpin dengan kemahiran digital dan pengetahuan kritikal bagi meningkatkan ekonomi digital Malaysia menerusi transformasi organisasi.	
	Skills@Scale Pasaran kemahiran teknologi berpusat untuk meningkatkan kemahiran dengan memadankan pelatih dengan pengajar berpengalaman daripada pelbagai latar belakang.	
Persekitaran perniagaan yang kondusif	Startup Concierge Pusat sehenti yang menyediakan sokongan menyeluruh bagi syarikat pemula berpotensi tinggi untuk memulakan perniagaan dan operasi.	
	MyStartup Single Window Perkhidmatan dan maklumat sehenti untuk syarikat pemula, pelabur dan bakat berpotensi tinggi dalam bidang teknologi.	
	KL20 General Processing Unit Scheme Penyediaan infrastruktur kecerdasan buatan (AI) bertaraf dunia kepada syarikat pemula sebagai asas kepada Malaysia untuk menjadi peneraju AI serantau.	



Prapelaksanaan



Dalam Pelaksanaan

Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan BlueChip Venture Capital akan menyediakan dana sebanyak RM3 bilion (RM1 bilion setiap satu) untuk menarik lebih ramai pelabur modal teroka ke Malaysia. Setakat ini, Khazanah telah menyalurkan RM1 bilion kepada dana ini. Secara keseluruhan, dana ini akan diperuntukkan untuk pelaburan dalam syarikat pemula peringkat awal yang berpotensi termasuk melalui pembiayaan ekuiti, perkongsian ilmu serta peluang untuk berkolaborasi dengan pemain industri, inkubator dan pemacu. Sokongan ini penting bagi menggalakkan inovasi dan pertumbuhan merentasi pelbagai sektor terutamanya dalam industri berasaskan digital dan teknologi.

Melangkah ke Hadapan

Pelaksanaan semua inisiatif yang ditetapkan perlu dipercepat melalui kerjasama padu semua pihak berkepentingan bagi memastikan kejayaan KL20. Kerajaan akan mempercepat inisiatif pada peringkat prapelaksanaan melalui pemantauan dan pengawasan yang berkesan serta menangani setiap kekangan semasa proses pelaksanaan. Usaha menggalakkan pertumbuhan syarikat pemula yang berpotensi tinggi bukan sahaja akan memacu inovasi domestik malahan berupaya mewujudkan peluang untuk melahirkan unicorn¹ tempatan yang berdaya saing pada peringkat global. Selain itu, program latihan dan pendidikan bersasar penting untuk memupuk minda kreatif dan memperkasakan syarikat pemula meneroka bidang baharu dalam industri berpotensi tinggi seperti teknologi kewangan, tenaga boleh baharu dan bioteknologi. Program tersebut akan melatih individu dan usahawan teknologi dengan kemahiran yang relevan bagi memperteguh daya tahan dalam mengharungi 'lembah kegagalan' dalam kitaran hayat syarikat pemula.

Kesimpulan

Pelan Tindakan KL20 akan menjadi pemangkin perubahan bagi melonjakkan Kuala Lumpur sebagai ekosistem syarikat pemula 20 teratas global menjelang 2030. Bagi mencapai sasaran ini, pendekatan seluruh negara yang melibatkan kerajaan, industri dan masyarakat penting dalam menyediakan ekosistem yang komprehensif bagi syarikat pemula untuk berkembang seterusnya mencipta pertumbuhan baharu demi masa hadapan negara yang lebih sejahtera.

¹ Unicorn merujuk kepada syarikat pemula yang telah mencapai nilai USD1 bilion.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan meningkat sebanyak 5.6% pada separuh pertama 2024 disokong oleh kadar penginapan di hotel dan bilangan pelanggan di restoran yang tinggi seiring dengan peningkatan ketibaan pelancong kepada 14.1 juta. Pada separuh kedua 2024, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.9% berikutan ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan aktiviti berkaitan pelancongan yang rancak. Prospek yang menggalakkan ini disokong oleh aktiviti promosi yang lebih giat bagi segmen khusus terutamanya perniagaan dan percutian, gastronomi serta pelancongan mesra Muslim. Tambahan pula, laporan Global Muslim Travel Index 2024 mengekalkan kedudukan Malaysia

sebagai destinasi pelancongan Muslim paling digemari untuk enam tahun berturut-turut. Secara keseluruhan, subsektor ini diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 5.8% pada 2024.

Subsektor utiliti mencatat peningkatan sebanyak 5.2% pada separuh pertama 2024 dan dianggar berkembang sebanyak 3.6% pada separuh kedua 2024. Bagi keseluruhan tahun, subsektor ini dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% berikutan penggunaan elektrik yang lebih tinggi susulan pembangunan pusat data dan peningkatan permintaan untuk pengecasan EV.

Subsektor perkhidmatan lain meningkat sebanyak 5.7% pada separuh pertama 2024 terutamanya disumbangkan oleh peningkatan permintaan untuk penjagaan kesihatan swasta dan enrolmen pelajar antarabangsa di institusi pengajian swasta. Pada separuh kedua 2024, subsektor ini diunjur berkembang sebanyak 5% disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua segmen sejajar dengan peningkatan aktiviti rekreasi dan hiburan serta pelancongan. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.4% pada 2024. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka meningkat sebanyak 5.2% pada separuh kedua 2024 berbanding pertumbuhan 4.7% yang dicatat pada separuh pertama tahun ini berikutan peningkatan bayaran emolumen serta perbelanjaan pembelian perkhidmatan dan bekalan. Justeru, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 5% pada 2024.

Sektor Pembuatan


Peningkatan industri berorientasikan eksport menyokong pertumbuhan

Sektor **pembuatan** berkembang sebanyak 3.3% pada separuh pertama 2024 disumbangkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan domestik dan prestasi lebih kukuh bagi industri berorientasikan eksport. Industri berorientasikan domestik mencatat pertumbuhan stabil sebanyak 5.9% didorong oleh peningkatan permintaan terutamanya bagi subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka disokong oleh aktiviti pembinaan yang rancak. Sementara itu, industri berorientasikan eksport merekodkan pertumbuhan 2.1% disumbangkan oleh peningkatan permintaan bagi segmen E&E berikutan momentum pasaran yang positif dalam industri semikonduktor global.

Pada separuh kedua 2024, sektor ini dianggar mencatat pertumbuhan sebanyak 4.9% dipacu oleh pengukuhan permintaan domestik dan peningkatan prestasi sektor luar negeri.

Bagi industri berorientasikan domestik, pertumbuhan dijangka kekal berdaya tahan didorong oleh aktiviti berkaitan pengguna terutamanya dalam segmen makanan dan minuman serta pengangkutan berikutan aktiviti pelancongan yang berkembang pesat. Di samping itu, penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur yang sedang dalam pembinaan serta aktiviti daripada pembangunan dalam perancangan akan meningkatkan output bahan berkaitan pembinaan seperti logam dan simen. Bagi industri berorientasikan eksport pula, segmen E&E dijangka bertambah baik sejajar dengan trend kitaran menaik dalam permintaan elektronik global yang disokong oleh perkembangan inovasi serta peningkatan dalam pasaran elektronik pengguna. Tambahan pula, peningkatan permintaan untuk cip AI, pusat data, pengkomputeran generasi hadapan dan aplikasi pengkomputeran berprestasi tinggi akan terus memacu pertumbuhan industri semikonduktor Malaysia. Secara keseluruhan, sektor pembuatan diunjur mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.1% pada 2024.

RAJAH 2.3. Output Sektor Pembuatan (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.3. Indeks Pembuatan mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Januari - Julai 2023 dan 2024 (2015 = 100)

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024	2023	2024	2023	2024
Industri berorientasikan eksport	137.9	142.1	0.0	3.1	67.9	67.2
Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	93.4	94.9	5.5	1.6	3.7	3.6
Pembuatan tekstil	113.7	118.1	-3.8	3.9	0.7	0.7
Pembuatan pakaian	123.2	125.9	5.8	2.2	0.8	0.8
Pembuatan kayu dan produk kayu dan gabus, kecuali perabot; pembuatan bagi artikel jerami dan bahan-bahan anyaman	114.6	117.7	-6.5	2.7	1.8	1.7
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	118.1	122.2	1.1	3.5	11.9	11.8
Pembuatan kimia dan produk kimia	127.7	130.4	4.3	2.1	8.7	8.6
Pembuatan produk getah	177.2	189.2	-9.6	6.8	4.2	4.3
Pembuatan produk plastik	124.3	130.2	-5.5	4.8	3.0	3.0
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	165.7	170.6	0.6	2.9	24.7	24.5
Pembuatan kelengkapan elektrik	147.3	145.8	0.2	-1.0	3.5	3.3
Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. ¹	147.4	152.9	0.8	3.8	3.4	3.4
Pembuatan perabot	125.0	135.2	-8.7	8.2	1.4	1.5
Industri berorientasikan domestik	133.3	141.5	4.6	6.2	32.0	32.8
Pembuatan produk prosesan makanan	163.2	170.8	4.1	4.7	6.4	6.5
Pembuatan minuman	132.3	140.3	0.5	6.0	0.9	0.9
Pembuatan produk tembakau	128.2	141.8	17.6	10.6	0.7	0.8
Pembuatan produk kulit dan barangan berkaitan	158.2	165.5	8.5	4.6	0.3	0.3
Pembuatan kertas dan produk kertas	142.1	147.8	3.3	4.0	1.8	1.8
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	125.6	135.5	5.5	7.9	1.3	1.3
Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	165.6	176.1	1.9	6.3	0.7	0.7
Pembuatan produk galian bukan logam lain	112.5	122.1	3.2	8.5	3.6	3.7
Pembuatan logam asas	122.1	128.5	3.1	5.2	3.1	3.1
Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	118.3	130.6	6.2	10.4	4.8	5.1
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	153.5	159.3	5.8	3.8	5.2	5.2
Pembuatan kelengkapan pengangkutan lain	101.3	105.8	3.6	4.4	1.3	1.3
Pembuatan lain	119.8	124.4	2.6	3.9	1.0	1.0
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	136.8	144.9	5.4	5.9	1.1	1.1
Pembuatan	136.3	141.9	1.4	4.1	100.0	100.0

¹ Tidak terkelas di tempat lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

SISIPAN 2.2

Pengukuhan Industri Semikonduktor melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030


Pengenalan

Landskap ekonomi global yang dinamik dan kemajuan teknologi yang pesat telah mendorong Malaysia membangunkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) agar seiring dengan perkembangan perindustrian. Inisiatif strategik telah dirangka di bawah NIMP 2030 untuk meletakkan negara sebagai peneraju global dalam pembangunan perindustrian. Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan sektor pembuatan serta perkhidmatan berkaitan pembuatan ke tahap yang lebih tinggi dengan memanfaatkan trend global terkini seperti kecerdasan buatan (AI), robotik termaju dan kenderaan elektrik (EV). Elektrik dan elektronik (E&E) telah dikenal pasti sebagai satu daripada subsektor utama yang berupaya menjana limpahan ekonomi dan inovasi yang tinggi. Subsektor E&E menyumbang sekitar 40% daripada eksport barangan pembuatan Malaysia terutamanya ke Singapura, AS dan China. Industri semikonduktor merangkumi 60% daripada jumlah eksport produk E&E dengan sebahagian besar disumbangkan oleh aktiviti *back-end*. Malaysia menetapkan matlamat untuk beralih kepada segmen bernilai tambah tinggi dan memperkukuh ekosistem semikonduktor *front-* dan *back-end* seiring dengan keupayaan dan trend pasaran global yang semakin pesat dalam perubahan teknologi. Sisipan ini menerangkan status semasa industri semikonduktor merangkumi prestasi, cabaran serta strategi seperti yang digariskan di bawah NIMP 2030. Taburan geografi bagi pemain industri E&E di Malaysia seperti dalam Rajah 2.2.1.

RAJAH 2.2.1. Taburan Geografi Pemain Industri Elektrik dan Elektronik di Malaysia

Utara

Kawasan: Pulau Pinang, Kedah (Kulim, Sungai Petani), Perak (Ipoh)
 Jumlah firma: 212
 Industri: Kebanyakannya komponen elektronik, solar fotovoltaik (PV), perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS), diod pemancar cahaya (LED)
 Firma besar: Intel, Infineon, Keysight, OSRAM, Inari, Vitrox



Timur

Kawasan: Pahang, Terengganu, Kelantan
 Jumlah firma: 7
 Industri: Kebanyakannya komponen elektronik daripada industri kecil dan sederhana (PKS) tempatan

Tengah

Kawasan: Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka
 Jumlah firma: 185
 Industri: Kebanyakannya komponen elektronik, elektronik pengguna dan perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS)
 Firma besar: Sony, Panasonic, Hitachi, Samsung, Renesas, Toshiba, ON Semiconductor

Selatan

Kawasan: Johor (Johor Bahru, Muar)
 Jumlah firma: 82
 Industri: Kebanyakannya komponen E&E, elektronik penggunadan perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS)
 Firma besar: Celestica, TDK, Micron, STMicroelectronics

Sarawak

Kawasan: Sarawak (Kuching, Bintulu)
 Jumlah firma: 9
 Industri: Solar fotovoltaik (PV), semikonduktor
 Firma besar: OCIM, X-Fab


Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia

Prestasi Industri Semikonduktor

Industri semikonduktor Malaysia telah berkembang pesat dan menjadi antara pemain utama dalam rantai bekalan global sejak lima dekad yang lalu. Bermula pada 1971 dengan pengoperasian firma Amerika iaitu National Semiconductor, Malaysia kini telah menjadi lokasi kepada syarikat gergasi dalam pembuatan semikonduktor global termasuk Infineon Technologies, Texas Instruments, Intel dan TF-AMD yang memperkukuh keupayaan pembuatan semikonduktor negara. Selain itu, Malaysia juga berjaya melahirkan pemain tempatan utama seperti Inari, Vitrox, Oppstar, Pentamaster dan SkyeChip yang merupakan sebahagian daripada rantaian nilai semikonduktor global.

Industri semikonduktor terus memainkan peranan penting dalam memacu ekonomi Malaysia dengan purata pertumbuhan tahunan 7.7% dan purata bahagian daripada jumlah eksport sebanyak 19.5% dalam tempoh 2009 hingga 2023. Industri ini turut menyumbang purata tahunan 4.3% kepada KDNK Malaysia sepanjang tempoh tersebut (Rajah 2.2.2.). Walaupun sumbangan industri semikonduktor agak kecil, namun Malaysia berhasrat untuk meningkatkan industri ini melalui pelaburan berkualiti yang merangkumi pemindahan teknologi bernilai tinggi, pembangunan bakat dan aktiviti yang mempunyai limpahan berimpak tinggi kepada negara selaras dengan keutamaan di bawah NIMP 2030.

RAJAH 2.2.2. Prestasi Industri Semikonduktor Malaysia, 2009 – 2023
(Nilai ditambah dan % bahagian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada harga malar)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 2.2.3. Kedudukan Pemain Industri Semikonduktor di sepanjang Rantaian Nilai Elektrik dan Elektronik

		Front-End			Back-End
		Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	Reka bentuk	Pembuatan (Komponen)	Pemasangan, Pembungkusan dan Pengujian
Industri	Komponen Elektronik	Rendah	Sederhana	Sederhana	Tinggi
	Elektronik Pengguna	Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi
	Kelengkapan Komputer	Tiada	Rendah	Sederhana	Tinggi
	Kelengkapan Komunikasi	Tiada	Tiada	Tinggi	Sederhana
	Elektrikal	Rendah	Sederhana	Tinggi	Tinggi
				Nilai Tambah Lebih Tinggi	Nilai Tambah Terendah

Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia

Rajah 2.2.3. menggambarkan kedudukan pemain industri semikonduktor Malaysia di sepanjang rantaian nilai E&E. Kekuatan Malaysia dalam industri semikonduktor tertumpu kepada segmen *back-end* khususnya dalam aktiviti pemasangan, pembungkusan dan pengujian dengan penyertaan yang lebih rendah dalam segmen *front-end*. Sehubungan itu, NIMP 2030 telah menetapkan sasaran untuk mencapai nilai tambah yang lebih tinggi dalam segmen *front-end* di samping memodenkan segmen *back-end* bagi meningkatkan rantaian nilai semikonduktor.

Strategi Semikonduktor Nasional

Pelan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) yang diumumkan pada Mei 2024 merupakan sebahagian daripada NIMP 2030. Pelan ini bertujuan untuk memperkukuh peranan Malaysia dalam rantaian bekalan semikonduktor global dari aspek reka bentuk sehingga kepada pengeluaran produk semikonduktor bernilai tinggi. Langkah yang diambil termasuk mengutamakan pelaburan baharu dalam fabrikasi wafer dan aktiviti reka bentuk litar bersepadu. Inisiatif NSS yang komprehensif ini menunjukkan komitmen negara dalam meningkatkan pertumbuhan keseluruhan industri berteknologi tinggi serta memperkasakan tenaga kerja. Pelan ini menetapkan lima sasaran utama seperti dalam Rajah 2.2.4.

RAJAH 2.2.4. Strategi Semikonduktor Nasional - Lima Sasaran Utama



Sumber: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia

Cabaran Mengukuhkan Industri

Industri semikonduktor menghadapi beberapa cabaran termasuk:

Persaingan Global dan Gangguan Rantaian Bekalan

Persaingan sengit daripada pemain pasaran seperti Taiwan, Republik Korea dan China serta gangguan dalam rantaian bekalan global akan mempengaruhi pengeluaran dan meningkatkan kos. Malaysia perlu meningkatkan pelaburan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan bahan buatan tempatan sejajar dengan keperluan perkembangan industri yang seterusnya akan memperkukuh kedudukan negara dalam rantaian bekalan global. Walau bagaimanapun, inisiatif ini akan menimbulkan cabaran kepada syarikat tempatan.

Kekurangan Bakat Mahir

Pelan ini menyasarkan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran 60,000 jurutera dalam reka bentuk litar bersepadu menjelang 2030. Pada masa ini, industri menghadapi kekurangan bakat mahir tempatan untuk memenuhi permintaan industri disebabkan oleh penghijrahan bakat ke luar negara yang menawarkan gaji lebih tinggi serta peluang pekerjaan lebih baik.

Mendepani Kepsatan Kemajuan Teknologi

Penerimgunaan teknologi canggih yang pesat dan peningkatan kompleksiti peranti semikonduktor telah mendorong permintaan bagi perkhidmatan yang direka khusus. Penyesuaian terhadap perkembangan teknologi yang pesat ini akan terus menjadi cabaran kepada negara. Justeru, Malaysia perlu merebut peluang untuk meningkatkan rantaian nilai semikonduktor dalam mendepani persaingan global yang semakin sengit.

Strategi untuk Memperkukuh Industri

Pihak Kerajaan dan industri perlu melaksanakan tindakan strategik untuk memajukan industri semikonduktor Malaysia termasuk:



Memupuk Kerjasama R&D

Memberikan tumpuan kepada peningkatan aktiviti R&D dengan menggalakkan kerjasama antara industri, institusi akademik dan organisasi penyelidikan untuk memacu inovasi dan kemajuan teknologi semikonduktor.



Program Pembelajaran Kemahiran Teknikal Berterusan

Memberikan penekanan kepada Program Pembelajaran Kemahiran Teknikal secara berterusan terutamanya kepada pembangunan tenaga kerja mahir, berdaya tahan dan berdaya saing dalam industri dengan menyediakan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memacu inovasi.



Penubuhan Pusat Teknologi Pembungkusan Termaju

Menubuhkan Pusat Teknologi Pembungkusan Termaju bagi meningkatkan teknologi pembungkusan semikonduktor yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan dan inovasi seterusnya meningkatkan kecekapan dan prestasi produk semikonduktor.



Pembangunan Mampan

Mengamalkan model pertumbuhan industri yang seimbang merangkumi amalan sosial, ekonomi dan mampan untuk mendorong pelaburan masa hadapan. Pembangunan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) sebagai taman perindustrian hijau dan pintar mengguna pakai tenaga boleh baharu sebagai pemangkin untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi.

Kesimpulan

Industri semikonduktor Malaysia sedang melalui proses transformasi disokong oleh inisiatif strategik nasional dan visi yang sentiasa mengambil kira perubahan pada masa hadapan. Dasar nasional seperti kerangka Ekonomi MADANI yang merangkumi pelaksanaan NIMP 2030 dan NSS menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh daya saing dan kemampuan industri pada peringkat global. Dasar dan pelan tindakan tersebut membolehkan Malaysia berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mendepani kompleksiti pasaran semikonduktor global, memacu pertumbuhan dan menetapkan penanda aras kecemerlangan baharu pada masa akan datang.

Sektor Pertanian

Prospek dijangka bercampur-campur

Sektor **pertanian** mengukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% pada separuh pertama 2024 terutamanya didorong oleh prestasi mapan subsektor kelapa sawit. Subsektor ini melonjak dengan ketara sebanyak 10.7% disumbangkan oleh pengeluaran buah tandan segar (BTS) yang lebih tinggi dan hasil MSM yang lebih baik. Subsektor getah juga berkembang sebanyak 1.3% selepas pulih daripada jangkitan Pestalotiopsis iaitu penyakit luruhan daun getah serta mendapat manfaat daripada keadaan cuaca yang menggalakkan. Di samping itu, subsektor ternakan kembali meningkat sebanyak 5.2% terutamanya disokong oleh pengeluaran yang stabil dalam segmen ternakan ayam dan itik serta telur manakala subsektor perikanan terus berkembang sebanyak 4.3% dipacu oleh segmen perikanan marin.

Sektor ini diunjur merosot secara marginal sebanyak 0.2% pada separuh kedua tahun ini terutamanya disebabkan oleh prestasi subsektor kelapa sawit yang kurang menggalakkan. Hasil BTS yang berkurangan akan dapat dilihat seawal suku keempat dijangka menjejaskan pengeluaran MSM pada separuh kedua 2024. Pengurangan ini disebabkan oleh cuaca kering yang berlarutan bermula separuh kedua 2023 dan meruncing pada awal 2024 seterusnya menjejaskan kualiti buah. Subsektor getah pula dijangka menguncup manakala subsektor perhutanan dan pembalakan diunjur terus mencatat penurunan ketara. Walau bagaimanapun, subsektor lain iaitu ternakan, pertanian lain dan perikanan dijangka berkembang disokong oleh pengeluaran yang lebih baik dan peningkatan permintaan domestik.

Secara keseluruhan, sektor pertanian diunjur meningkat sebanyak 2% pada 2024 dengan semua subsektor dijangka mencatat pertumbuhan positif kecuali perhutanan dan pembalakan. Subsektor kelapa sawit yang menyumbang lebih daripada 36% daripada sektor pertanian dijangka berkembang dengan sebahagian besar disokong oleh peningkatan dalam penawaran buruh, aktiviti pembajaan

yang lebih baik dan prestasi kukuh pada separuh pertama tahun ini. Walaupun output MSM dijangka lebih tinggi, namun pengeluaran MSM kekal di bawah paras potensi disebabkan oleh kesan cuaca kering dan peningkatan keluasan kawasan pokok sawit tua berikutan kadar penanaman semula yang rendah. Dari segi harga, MSM diunjur mencatat purata antara RM3,800 hingga RM4,300 setan metrik disebabkan oleh kekangan dalam bekalan minyak sawit global. Subsektor getah dijangka mencatat pertumbuhan marginal hasil daripada pengeluaran getah asli yang stabil disokong oleh pemulihan harga getah seterusnya menggalakkan aktiviti penorehan oleh pekebun kecil. Selain itu, inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti penambahbaikan Insentif Pengeluaran Lateks (IPL) dan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) akan memberikan sokongan tambahan kepada pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor ternakan, pertanian lain dan perikanan juga dijangka berkembang menerusi usaha bersepadu dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara yang antara lain memperluas Program Smart Sawah Berskala Besar meliputi 79 kawasan dengan keluasan 35,348 hektar di seluruh negara. Tambahan pula, perbelanjaan pengguna yang mampan dan aktiviti pelancongan yang bertambah baik dijangka mendorong pertumbuhan subsektor tersebut.

JADUAL 2.4. *Prestasi Sektor Pertanian, 2023 – 2025*
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2024 ²	2023	2024 ²	2025 ³
Kelapa sawit	36.3	0.2	2.9	0.6
Pertanian lain ¹	29.3	3.7	1.0	3.8
Ternakan	17.0	0.7	4.8	3.6
Perikanan	11.7	0.5	3.6	2.7
Perhutanan dan pembalakan	4.1	-8.9	-13.0	-8.4
Getah	1.6	-6.6	0.2	0.9
Pertanian	100.0	0.7	2.0	1.9

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor Perlombongan

Subsektor gas asli memacu pertumbuhan

Sektor **perlombongan** kembali pulih sebanyak 4.3% pada separuh pertama 2024 dengan pengembangan direkodkan dalam semua subsektor. Pertumbuhan sebanyak 6% dalam subsektor gas asli disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dari semua wilayah. Subsektor minyak mentah dan kondensat meningkat sebanyak 1.4% disumbangkan oleh pengeluaran kondensat yang stabil dalam tempoh tersebut. Sementara itu, subsektor perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan mencatat pertumbuhan stabil sebanyak 5.9%. Sektor ini dijangka berkembang secara marginal sebanyak 0.3% pada separuh kedua 2024. Walaupun prestasi subsektor gas asli dijangka kukuh berikutan permulaan operasi medan gas baharu, namun pertumbuhan sektor perlombongan secara keseluruhan diunjur menyederhana disebabkan oleh prestasi subsektor minyak mentah dan kondensat yang kurang memberangsangkan.

Bagi tahun ini, sektor perlombongan diunjur berkembang sebanyak 2.2% terutamanya didorong oleh prestasi kukuh dalam subsektor gas asli. Pengeluaran yang stabil daripada medan gas sedia ada di samping pengeluaran output daripada blok gas baharu di pembangunan gas Kasawari, Jerun dan Gansar serta Kayu Manis South East dijangka menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan subsektor ini. Selain itu, permintaan yang lebih tinggi daripada rakan dagang utama khususnya Jepun dan China serta peningkatan penggunaan domestik terutamanya daripada pemain sektor perindustrian dan tenaga dijangka menyumbang secara positif kepada pertumbuhan. Sebaliknya, subsektor minyak mentah dan kondensat dijangka menyusut disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah terutamanya dari Sabah. Dari segi harga, minyak mentah Brent dijangka kekal stabil antara USD80 hingga USD85 setong meskipun ketidakpastian berterusan

dalam persekitaran global dan penetapan had pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC).

Sektor Pembinaan

Pengembangan menyeluruh yang memberangsangkan

Sektor **pembinaan** meningkat ketara sebanyak 14.6% pada separuh pertama 2024 dengan semua subsektor mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan. Subsektor kejuruteraan awam kekal kukuh hasil daripada penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur yang sedang dalam pembinaan termasuk Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Rapid Transit System Link (RTS Link) antara Johor Bahru dengan Singapura serta Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Di samping itu, subsektor bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini dipacu oleh peningkatan permintaan untuk rumah mampu milik serta aktiviti ekonomi yang rancak. Subsektor aktiviti pembinaan khas turut berkembang disokong oleh projek Tambakan Laut Bahagian Selatan Pulau Pinang serta kerja berkaitan pemasangan elektrik dan sistem paip.

Sektor ini dijangka meneruskan momentum positif pada separuh kedua 2024 dengan unjuran pertumbuhan dua digit sebanyak 13.7%. Penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) akan terus menyokong subsektor kejuruteraan awam. Di samping itu, pembinaan pusat data terutamanya di Johor dan Selangor serta bangunan perindustrian dijangka mengukuhkan subsektor bangunan bukan kediaman. Subsektor bangunan kediaman diunjur berkembang dipacu oleh peningkatan permintaan rumah mampu milik selaras dengan inisiatif Kerajaan di bawah Belanjawan 2024. Inisiatif ini, antara lain merangkumi pelaksanaan 36 Program Perumahan Rakyat termasuk 15 projek sedia ada yang akan memberikan manfaat kepada 5,100 penduduk serta pembinaan 3,500 unit rumah di bawah

14 Program Rumah Mesra Rakyat dan projek baharu perumahan MADANI. Tambahan pula, projek diterajui oleh sektor swasta turut menyumbang kepada pertumbuhan subsektor bangunan kediaman. Secara keseluruhan, sektor ini dianggar terus berkembang sebanyak 14.1% pada 2024.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik yang mampan menerajui pertumbuhan

Permintaan domestik yang dipacu oleh sektor swasta kekal kukuh dan menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Pertumbuhan pada separuh pertama 2024 merekodkan 6.5% dan dijangka meneruskan momentum pada separuh kedua tahun ini. Oleh itu, permintaan domestik dianggar berkembang sebanyak 6.3% bagi keseluruhan tahun dengan perbelanjaan sektor swasta dijangka meningkat sebanyak 6.7%. Peranan sektor swasta sebagai enjin utama pertumbuhan dicerminkan oleh sumbangan yang tinggi sebanyak 5.1 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dijangka meningkat sebanyak 5% dan menyumbang 0.9 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.

JADUAL 2.5. *Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Permintaan Agregat, 2023 - 2025 (pada harga malar 2015)*

	BAHAGIAN (%)		PERUBAHAN (%)	
	2024 ²	2023	2024 ²	2025 ³
Permintaan domestik	95.2	4.6	6.3	6.1
Perbelanjaan swasta	77.5	4.6	6.7	6.6
Penggunaan	61.1	4.7	5.5	5.9
Pelaburan	16.4	4.6	11.1	8.9
Perbelanjaan awam	17.8	4.6	5.0	4.1
Penggunaan	13.0	3.3	3.5	3.8
Pelaburan	4.8	8.6	9.3	4.9
Sektor luar negeri¹	4.2	-16.2	0.6	5.7
Eksport	67.9	-8.1	7.8	3.8
Import	63.7	-7.4	8.4	3.7
KDNK	100.0	3.6	4.8 - 5.3	4.5 - 5.5

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan 5.3% pada separuh pertama 2024 dan dijangka meningkat sebanyak 5.5% bagi keseluruhan tahun. Perkembangan ini disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi hasil daripada aktiviti ekonomi domestik yang menggalakkan dan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik. Tambahan pula, Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 kepada penjawat awam dan pesara pada Februari 2024 telah menyumbang kepada pertumbuhan yang positif. Jangkaan pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perbelanjaan isi rumah turut disumbangkan oleh pengeluaran daripada Akaun Fleksibel Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang diumumkan pada April 2024. Kerajaan turut menyediakan program bantuan tunai bagi mengurangkan impak subsidi diesel bersasar. Kesan limpahan daripada pelarasan kenaikan gaji perkhidmatan awam fasa pertama yang akan dilaksanakan pada Disember 2024 dijangka mendorong penggunaan isi rumah. Keadaan tersebut akan menggalakkan kecenderungan berbelanja yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan perbelanjaan pengguna.

Pertumbuhan **pelaburan swasta** melonjak kepada 10.6% pada separuh pertama dan dijangka mengekalkan momentum dua digit iaitu 11.1% pada 2024. Prestasi ini terutamanya didorong oleh perbelanjaan modal syarikat bagi pengembangan kapasiti khususnya dalam struktur serta jentera dan peralatan. Pertumbuhan ini sejajar dengan peningkatan permintaan domestik dan luar serta penerimgunaan berterusan automasi dan pendigitalan berikutan kitaran menaik teknologi global. Tambahan pula, trend pelaburan diluluskan yang semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini berbanding tempoh prapandemik dijangka dapat direalisasikan melalui pelaksanaan projek berbilang tahun. Pelaburan yang diluluskan tertumpu terutamanya dalam subsektor E&E, kelengkapan pengangkutan dan ICT. Penubuhan Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia (IMFC) oleh Kerajaan akan memudahkan cara urusan perniagaan dan mempercepat proses kelulusan bagi pelabur. Aktiviti pelaburan di bawah dasar utama seperti NETR

dan NIMP 2030 yang melibatkan pelaksanaan jangka masa panjang turut menyokong pelaburan swasta.


Penggunaan awam berkembang sebanyak 5.5% pada separuh pertama 2024 dan dianggar mencatat pertumbuhan 3.5% bagi keseluruhan tahun. Pertumbuhan bagi separuh kedua dijangka menyederhana berikutan kesan asas yang tinggi pada separuh kedua 2023. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sederhana ini diimbangi oleh peningkatan perbelanjaan emolumen termasuk kenaikan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. Kerajaan akan terus melaksanakan usaha mengoptimumkan nilai untuk wang bagi proses perolehan perkhidmatan dan bekalan yang mencerminkan komitmen ke arah perbelanjaan yang cekap dan berhemat.

Pelaburan awam menunjukkan prestasi kukuh dengan merekodkan pertumbuhan dua digit sebanyak 10.3% pada separuh pertama 2024 terutamanya didorong oleh perbelanjaan modal syarikat awam bukan kewangan (SABK) yang lebih tinggi. Bagi keseluruhan tahun, pelaburan awam diunjur berkembang sebanyak 9.3% disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi bagi perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan dan SABK terutamanya dalam projek infrastruktur utama yang sedang dilaksanakan seperti projek tebatan banjir, ECRL, Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) dan RTS Link. Perbelanjaan modal SABK turut dijangka berterusan bagi industri minyak dan gas serta utiliti. Selain itu, PETRONAS kekal sebagai pemain penting dalam industri minyak dan gas dengan tumpuan diberikan terhadap projek strategik seperti Medan Gas Rosmari-Marjoram serta Tangkapan dan Penyimpanan Karbon Kasawari. Pemasangan sistem Fotovoltan Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS) bagi Empangan Nenggiri oleh TNB pula dijangka meningkatkan

penjanaan elektrik dengan ketara. Kesemua inisiatif tersebut akan terus meningkatkan lagi aktiviti pelaburan awam.

Pendapatan negara kasar (PNK) pada harga semasa dianggar meningkat sebanyak 7.2% pada 2024 berbanding pertumbuhan 1.9% pada 2023. Peningkatan ini sejajar dengan pengembangan lebih kukuh dalam aktiviti domestik. Pertumbuhan tabungan negara kasar (TNK) juga dijangka meningkat pada kadar lebih pantas sebanyak 10% dan menyumbang sebanyak 25.4% daripada PNK. Setelah mengambil kira jumlah pelaburan sebanyak RM438.4 bilion atau 23.1% daripada PNK, **jurang tabungan-pelaburan** pada 2024 dianggar mencatat lebih sebanyak RM43.4 bilion atau 2.3% daripada PNK seterusnya boleh disalurkan untuk pelaburan jangka masa panjang yang produktif tanpa bergantung kepada pendanaan asing.

RAJAH 2.4. Jurang Tabungan – Pelaburan (% daripada PNK)



¹ Anggaran

² Unjuran

³ Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pendapatan

Mencapai pengagihan kekayaan yang saksama kekal mencabar

Pertumbuhan KDNK pada harga semasa menyederhana sebanyak 1.6% kepada RM1.8 trilion pada 2023. Aktiviti perniagaan dan ekonomi yang rancak telah menyumbang dengan ketara kepada peningkatan peluang pekerjaan dan pendapatan tenaga kerja. Justeru, pendapatan buruh meningkat sebanyak 4.2% kepada RM603.3 bilion.

Walaupun bahagian **PP**² meningkat kepada 33.1%, namun peningkatan ini masih rendah berbanding sasaran negara sebanyak 40% pada 2025 yang menunjukkan bahawa pekerja masih belum mendapat manfaat sepenuhnya daripada kemajuan ekonomi melalui kenaikan gaji. Bahagian PP dijangka meningkat sedikit kepada 33.2% pada 2024 berikutan prospek pertumbuhan yang lebih baik dipacu oleh pendapatan daripada sektor perkhidmatan (62.4%) dan pembuatan (23.5%) khususnya bagi industri berkaitan pelancongan serta produk elektrik, elektronik dan optikal.

JADUAL 2.6. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan, 2022 – 2025

	BAHAGIAN (%)				PERUBAHAN (%)			
	2022	2023	2024 ¹	2025 ²	2022	2023	2024 ¹	2025 ²
Pampasan pekerja	32.3	33.1	33.2	33.5	6.5	4.2	7.2	7.8
Lebihan kendalian kasar	67.1	64.8	63.6	63.2	24.3	-1.8	4.8	6.2
Lebihan kendalian	53.2	49.8	48.0	47.4	35.6	-5.0	3.0	5.5
Pendapatan campuran	13.9	15.0	15.6	15.8	-5.9	10.1	10.6	8.4
Cukai tolak subsidi	0.6	2.1	3.2	3.3	-69.7	242.0	63.1	13.5
KDNK pada harga pembeli	100.0	100.0	100.0	100.0	15.8	1.6	6.8	7.0

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.7. Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Komponen Pendapatan bagi Negara Terpilih, 2021 – 2023

	PAMPASAN PEKERJA			LEBIHAN KENDALIAN KASAR			CUKAI TOLAK SUBSIDI		
	2021	2022	2023	2021	2022	2023	2021	2022	2023
	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)								
Malaysia	35.1	32.3	33.1	62.6	67.1	64.8	2.3	0.6	2.1
Filipina	36.7	36.4	35.5	55.6	55.9	57.3	7.7	7.7	7.2
Singapura	37.6	35.1	38.5	57.8	59.5	55.1	4.6	5.4	6.4
Korea Selatan	46.7	47.5	47.9	43.6	43.0	43.6	9.6	9.5	8.5
Australia	47.7	45.8	45.9	46.2	45.4	44.8	6.1	8.8	9.3
Belanda	48.2	47.1	47.0	43.0	43.3	43.4	8.9	9.5	9.6
Kanada	50.4	49.2	51.1	40.6	40.6	38.5	9.0	10.1	10.4
United Kingdom	50.6	49.2	49.5	40.1	39.7	40.1	9.2	11.2	10.4
Jerman	53.0	52.2	52.4	39.2	38.8	38.9	7.8	9.0	8.7
Amerika Syarikat	53.2	52.2	53.1	41.8	41.3	40.4	5.0	6.5	6.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

² Termasuk saraan, wang tunai atau bukan berbentuk wang serta caruman sosial majikan yang dibayar untuk pekerja.

Di samping itu, **lebih kendalian kasar**³ (LKK) kekal sebagai komponen pendapatan terbesar berjumlah RM1.2 trilion walaupun bahagian kepada KDNK berkurang kepada 64.8% pada 2023. Pemilik modal bagi industri berkaitan komoditi dalam sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian serta pembuatan menghadapi cabaran berikutan harga komoditi global yang lebih rendah dan permintaan luar yang lebih perlahan. Sementara itu, pertumbuhan pendapatan campuran bagi kumpulan yang bekerja sendiri melonjak sebanyak 10.1% dengan lebih ramai individu melaksanakan pekerjaan sendiri sebagai sumber pendapatan utama. Pendapatan campuran dijangka terus berkembang sebanyak 10.6% pada 2024 didorong oleh aktiviti ekonomi yang teguh dan peningkatan permintaan domestik seterusnya akan meningkatkan prospek pendapatan bagi golongan yang bekerja sendiri. Secara keseluruhan, bahagian LKK kepada KDNK diunjur mencatat 63.6% pada 2024 dengan sebahagian besar faedah pertumbuhan akan kekal diraih oleh pemilik modal.

Bahagian **cukai bersih ke atas pengeluaran dan import**⁴ kepada KDNK meningkat secara sederhana kepada 2.1% pada 2023 didorong oleh peningkatan dalam hasil cukai (3.1%) dan pengurangan ketara dalam perbelanjaan subsidi dan insentif (-34.2%). Sebahagian besar subsidi petroleum terus dikekalkan untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah mendepani peningkatan kos sara hidup. Pada 2024, pendapatan daripada cukai bersih dijangka berkembang sebanyak 63.1% disokong oleh usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan cukai dan kenaikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan. Di samping itu, perbelanjaan untuk subsidi dan insentif dijangka terus berkurang berikutan program rasionalisasi subsidi. Justeru, bahagian keseluruhan cukai bersih ke atas pengeluaran dan import dijangka meningkat kepada 3.2% daripada KDNK.

Sektor Luar Negeri

Pemulihan yang stabil dalam sektor luar negeri

Prestasi Perdagangan

Jumlah dagangan dijangka berkembang sebanyak 9.4% kepada RM2,884.3 bilion pada 2024 disokong oleh kitaran menaik teknologi global, pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dalam kalangan ekonomi utama dan harga komoditi yang stabil. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import kasar dijangka mengatasi eksport kasar.

Eksport kasar dianggar merekodkan pemulihan kepada 5.6% pada 2024 didorong oleh pengukuhan permintaan luar dan jangkakan peningkatan jualan semikonduktor global. Eksport barangan pembuatan diunjur berkembang sebanyak 6% berikutan peningkatan permintaan dalam produk E&E dan bukan E&E. Pertumbuhan sebanyak 3.4% bagi produk E&E disumbangkan oleh kemajuan pesat dalam AI dan internet benda (IoT) serta peningkatan penggunaan EV seterusnya memacu permintaan untuk semikonduktor yang sofistikated dan cip termaju. Semikonduktor, peralatan pemrosesan data automatik dan kelengkapan peralatan telekomunikasi merupakan penyumbang utama kepada eksport produk E&E. Sementara itu, eksport bagi produk bukan E&E dijangka berkembang sebanyak 8.3% terutamanya untuk jentera, kelengkapan dan peralatan; pembuatan barangan logam; serta kimia dan produk kimia berikutan pertumbuhan kukuh dalam kalangan rakan dagang utama.

Eksport barangan pertanian juga dijangka berkembang sebanyak 4% disumbangkan oleh eksport lebih tinggi bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit sebanyak 2.9% serta getah asli sebanyak 15.9%. Peningkatan permintaan terutamanya dari India, Bangladesh, Jerman, Iran dan

³ Terdiri daripada lebih kendalian kepada pemilik modal dan pendapatan campuran.

⁴ Terdiri daripada cukai ke atas produk dan cukai lain ke atas pengeluaran ditolak subsidi ke atas produk dan subsidi lain ke atas pengeluaran.

Filipina dijangka meningkatkan eksport minyak sawit sebanyak 2.3%. Selain itu, eksport barangan perlombongan diunjur berkembang

sebanyak 2.8% disokong oleh peningkatan permintaan global bagi petroleum mentah sebanyak 10.1% dan LNG sebanyak 2.4%.

JADUAL 2.8. *Perdagangan Luar Negeri, 2023 – 2025*

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2023	2024 ¹	2025 ²	2023	2024 ¹	2025 ²
Jumlah dagangan	2,637,243	2,884,341	3,000,041	-7.3	9.4	4.0
Eksport kasar	1,426,199	1,506,666	1,565,515	-8.0	5.6	3.9
<i>antaranya:</i>						
Barangan pembuatan	1,216,283	1,288,943	1,340,882	-6.8	6.0	4.0
Barangan pertanian	94,818	98,624	101,875	-21.6	4.0	3.3
Barangan perlombongan	106,078	109,084	111,426	-9.6	2.8	2.1
Import kasar	1,211,044	1,377,675	1,434,526	-6.4	13.8	4.1
<i>antaranya:</i>						
Barangan perantaraan	620,607	764,547	791,734	-12.2	23.2	3.6
Barangan modal	128,743	160,435	166,570	7.1	24.6	3.8
Barangan penggunaan	104,118	118,293	122,257	0.1	13.6	3.4
Imbangan dagangan	215,155	128,991	130,989	-16.0	-40.0	1.5

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.9. *Eksport Kasar, Januari – Ogos 2023 dan 2024*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024	2023	2024	2023	2024
Barangan pembuatan	800,142	847,833	-6.0	6.0	85.5	85.5
Barangan pertanian	61,158	66,867	-25.4	9.3	6.5	6.7
Barangan perlombongan	68,866	70,057	-8.4	1.7	7.4	7.1
Lain-lain ¹	5,495	6,599	21.7	20.1	0.6	0.7
Eksport kasar	935,662	991,357	-7.6	6.0	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

JADUAL 2.10. Eksport Barangan Pembuatan, Januari – Ogos 2023 dan 2024

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024	2023	2024	2023	2024
E&E	380,585	383,764	0.1	0.8	47.6	45.3
Bukan E&E	419,557	464,070	-10.9	10.6	52.4	54.7
Produk petroleum	96,492	90,938	-5.2	-5.8	12.1	10.7
Kimia dan produk kimia	46,966	49,218	-11.5	4.8	5.9	5.8
Pembuatan barangan logam	37,583	41,605	-16.1	10.7	4.7	4.9
Jentera, kelengkapan dan peralatan	36,372	45,127	-9.1	24.1	4.5	5.3
Barangan optik dan saintifik	35,554	39,521	-1.8	11.2	4.4	4.7
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	20,490	23,351	-29.2	14.0	2.6	2.8
Produk getah	13,983	16,974	-33.7	21.4	1.7	2.0
Barangan makanan diproses	19,064	22,717	3.9	19.2	2.4	2.7
Produk besi dan keluli	20,121	23,447	-13.4	16.5	2.5	2.8
Kelengkapan pengangkutan	11,266	12,471	1.8	10.7	1.4	1.5
Tekstil, pakaian dan kasut	10,548	11,779	-10.4	11.7	1.3	1.4
Barangan pembuatan plastik	10,459	11,588	-10.1	10.8	1.3	1.4
Produk kayu	9,450	10,257	-25.5	8.5	1.2	1.2
Produk galian bukan logam	8,105	8,403	3.2	3.7	1.0	1.0
Barang kemas	4,994	5,993	6.7	20.0	0.6	0.7
Produk kertas dan pulpa	7,239	9,451	14.4	30.6	0.9	1.1
Minuman dan tembakau	2,025	2,008	18.4	-0.8	0.3	0.2
Produk pembuatan lain	28,848	39,222	-18.9	36.0	3.6	4.6
Eksport barangan pembuatan	800,142	847,833	-6.0	6.0	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 2.5. Rakan Dagang 10 Teratas, Januari – Ogos 2024 (% bahagian)



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import kasar diunjur meningkat sebanyak 13.8% pada 2024 terutamanya disokong oleh import barangan perantaraan dan barangan modal selaras dengan aktiviti ekonomi domestik yang terus bertambah baik serta pelaburan yang semakin meningkat dalam pusat data susulan perkembangan trend bagi perkhidmatan pengkomputeran awan dan AI. Import barangan perantaraan yang menyumbang 55.5% kepada import

kasar dijangka berkembang sebanyak 23.2% selari dengan pertumbuhan dalam eksport pembuatan. Import barangan modal dengan bahagian sebanyak 11.6% turut dianggar melonjak sebanyak 24.6% berikutan aktiviti pelaburan yang menggalakkan. Sementara itu, barangan penggunaan yang merangkumi 8.6% daripada jumlah import dijangka meningkat sebanyak 13.6% disumbangkan oleh kenaikan perbelanjaan isi rumah.

JADUAL 2.11. *Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2023 dan 2024*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2023	2024	2023	2024	2023	2024
Barangan modal	78,164	106,995	1.2	36.9	10.0	11.7
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	70,582	101,702	2.5	44.1	9.0	11.1
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	7,583	5,294	-9.9	-30.2	1.0	0.6
Barangan perantaraan	398,991	503,152	-15.7	26.1	51.0	55.1
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	20,135	21,887	-14.4	8.7	2.6	2.4
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	68,419	80,546	-5.9	17.7	8.8	8.8
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	183,174	209,679	-14.1	14.5	23.4	23.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	127,263	191,041	-22.3	50.1	16.3	20.9
Barangan penggunaan	67,034	78,643	-1.3	17.3	8.6	8.6
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	31,050	36,635	4.3	18.0	4.0	4.0
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	997	1,127	-14.1	13.1	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	34,988	40,881	-5.3	16.8	4.5	4.5
Barangan tahan lama	8,877	11,726	-3.5	32.1	1.1	1.3
Barangan separa tahan lama	11,253	12,838	-1.7	14.1	1.4	1.4
Barangan tidak tahan lama	14,858	16,318	-8.9	9.8	1.9	1.8
Lain-lain	27,082	32,741	1.2	20.9	3.5	3.6
Eksport semula	210,517	191,651	-0.2	-9.0	26.9	21.0
Import kasar	781,789	913,183	-8.7	16.8	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain
 Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Pada separuh pertama 2024, lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** dicatat sebanyak RM19.2 bilion atau 2.1% daripada PNK. Prestasi ini disumbangkan oleh lebih dalam akaun barangan meskipun mengecil serta defisit yang berkurang dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan. Momentum ini dijangka berterusan pada separuh kedua 2024 dengan lebih akaun semasa merekodkan RM24.2 bilion atau 2.4% daripada PNK. Peningkatan ini didorong oleh defisit lebih rendah dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan serta lebih dalam akaun barangan meskipun lebih kecil. Secara keseluruhan, lebih akaun semasa dijangka meningkat kepada RM43.4 bilion atau 2.3% daripada PNK pada 2024.

Akaun barangan dijangka menyederhana dengan lebih sebanyak RM115.1 bilion pada 2024 disebabkan oleh lonjakan import

barangan perantaraan, modal dan penggunaan yang melebihi peningkatan eksport barangan pembuatan, pertanian dan perlombongan. Peningkatan import barangan terutamanya didorong oleh sektor pembuatan yang rancak serta prestasi kukuh dalam sektor pembinaan berikutan pembangunan pusat data dan penyegeraan pelaksanaan projek sedia ada.

Akaun perkhidmatan pula diunjur merekodkan defisit lebih kecil sebanyak RM20.4 bilion berikutan prestasi memberangsangkan dalam akaun perjalanan serta defisit lebih rendah dalam akaun pengangkutan dan akaun perkhidmatan lain. Akaun perjalanan dijangka mencatat lebih tinggi sebanyak RM32.6 bilion didorong oleh sektor pelancongan yang rancak dengan peningkatan ketibaan pelancong. Selain itu, defisit akaun pengangkutan dijangka mengecil sebanyak RM30.4 bilion dipacu oleh aktiviti perdagangan dan perjalanan yang lebih tinggi. Peningkatan aktiviti tersebut mendorong

JADUAL 2.12. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2023 – 2025*
(RM juta)

	2023			2024 ¹			2025 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	1,250,183	1,157,224	92,959	1,383,792	1,289,057	94,734	1,454,847	1,346,087	108,759
Barangan	1,055,187	919,030	136,157	1,142,757	1,027,652	115,105	1,192,873	1,067,270	125,604
Perkhidmatan	194,995	238,194	-43,199	241,034	261,405	-20,370	261,973	278,818	-16,844
Pengangkutan	30,826	62,256	-31,430	36,345	66,697	-30,353	39,796	71,393	-31,598
Perjalanan	68,037	50,903	17,134	91,844	59,263	32,581	101,938	65,247	36,691
Perkhidmatan lain	96,132	125,035	-28,903	112,846	135,445	-22,599	120,240	142,177	-21,937
Pendapatan primer	90,074	142,996	-52,921	104,547	153,298	-48,750	108,246	164,758	-56,512
Pampasan pekerja	7,766	15,903	-8,136	7,691	17,590	-9,898	8,652	19,055	-10,403
Pendapatan pelaburan	82,308	127,093	-44,785	96,856	135,708	-38,852	99,594	145,703	-46,109
Pendapatan sekunder	33,279	45,113	-11,835	43,516	46,122	-2,606	46,209	49,358	-3,149
Imbangan akaun semasa	1,373,535	1,345,333	28,203	1,531,855	1,488,477	43,378	1,609,302	1,560,203	49,098
% daripada PNK			1.6			2.3			2.4

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


kepada pertambahan pendapatan syarikat domestik berikutan tambang penerbangan dan caj pengangkutan yang kompetitif serta fi bagi aktiviti lapangan terbang dan pelaburan yang lebih tinggi. Di samping itu, peningkatan kekerapan penerbangan dan penyambungan semula operasi penerbangan langsung dijangka menyumbang kepada defisit yang semakin mengecil. Defisit dalam akaun perkhidmatan lain juga dijangka berkurang kepada RM22.6 bilion pada 2024 disokong oleh terimaan lebih tinggi daripada perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan, pembinaan serta perkhidmatan insurans dan pencen.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat defisit lebih rendah sebanyak RM48.8 bilion pada 2024 disumbangkan oleh pengurangan defisit dalam akaun pendapatan pelaburan meskipun pampasan pekerja merekodkan defisit lebih tinggi. Defisit dalam akaun pendapatan pelaburan dijangka bertambah baik kepada RM38.9 bilion berikutan peningkatan terimaan pendapatan pelaburan yang disumbangkan oleh aliran masuk keuntungan yang tinggi dari luar negara. Selain itu, pampasan pekerja dijangka mencatat defisit lebih besar sebanyak RM9.9 bilion disebabkan oleh peningkatan aliran wang keluar.

Terimaan dalam akaun pendapatan sekunder pada 2024 dijangka melonjak kepada RM43.5 bilion meskipun bayaran meningkat kepada RM46.1 bilion yang seterusnya menyumbang kepada defisit lebih kecil sebanyak RM2.6 bilion. Terimaan lebih tinggi dalam akaun pendapatan sekunder dipacu oleh peningkatan kiriman wang masuk oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dan penerimaan *one-off*. Sementara itu, peningkatan bayaran disebabkan oleh kiriman wang keluar yang lebih besar oleh pekerja asing dari Bangladesh, Filipina, India, Indonesia dan Nepal.

Pada separuh pertama 2024, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.6 bilion berikutan peningkatan aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan langsung sebanyak RM2.3 bilion dan akaun pelaburan portfolio RM45.4 bilion. Walau bagaimanapun, aliran wang keluar tersebut diimbangi oleh aliran masuk bersih yang meningkat dengan ketara dalam akaun pelaburan lain dan akaun derivatif kewangan. Di samping itu, FDI di Malaysia mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi iaitu RM14.5 bilion terutamanya disalurkan kepada sektor maklumat dan komunikasi, pembuatan serta perlombongan dan pengkuarian. Aliran keluar bersih pelaburan langsung ke luar negara oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM16.8 bilion terutamanya bagi aktiviti kewangan dan insurans/takaful; serta sektor perlombongan dan pengkuarian; dan bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara.

RAJAH 2.6. Rizab Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

RENCANA 2.2

Analisis Sensitiviti Perdagangan Malaysia terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Impak Senario Ekonomi di China dan AS terhadap Eksport Kasar Malaysia

Pengenalan

Malaysia telah memeterai perjanjian perdagangan dengan pelbagai rakan dagang utama dan negara strategik di seluruh dunia disokong oleh ekonomi yang dinamik, berdaya tahan dan bersifat keterbukaan kepada perdagangan antarabangsa. Kebergantungan Malaysia yang tinggi terhadap perdagangan seperti digambarkan melalui nisbah perdagangan kepada KDNK yang secara konsisten melebihi 100% sejak sekian lama menunjukkan kedudukan strategik negara sebagai antara ekonomi utama dalam pasaran global. Satu daripada kekuatan utama Malaysia ialah kepelbagaian portfolio eksport yang merangkumi pelbagai produk dan industri. Antara eksport utama termasuk produk E&E; produk petroleum; kimia dan produk kimia; minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit; serta gas asli cecair (LNG). Kepelbagaian ini membolehkan Malaysia mengurangkan risiko ketidakpastian permintaan global dan harga komoditi yang seterusnya menyumbang kepada daya tahan ekonomi.


Hubungan perdagangan strategik dengan ekonomi utama termasuk China, AS, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun mengukuhkan lagi peranan Malaysia dalam rantaian bekalan global. Hubungan perdagangan tersebut telah meningkatkan pendapatan eksport, menarik pelaburan langsung asing (FDI), menggalakkan pemindahan teknologi dan meningkatkan rantaian industri. Sejak sekian lama, dasar perdagangan luar Malaysia menumpukan kepada usaha mengukuhkan perkongsian perdagangan, meningkatkan daya saing dan memupuk inovasi. Perjanjian perdagangan dua hala dan serantau seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Perjanjian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) telah memainkan peranan penting dalam meluaskan akses pasaran dan menggalakkan integrasi ekonomi.

Struktur Perdagangan Malaysia

Malaysia telah mengalami transformasi ekonomi yang ketara melalui peralihan daripada ekonomi berasaskan komoditi kepada ekonomi yang didorong oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan yang kukuh. Walau bagaimanapun, eksport Malaysia terutamanya disumbangkan oleh perdagangan barangan khususnya barangan pembuatan, barangan perlombongan dan barangan pertanian. Bahagian barangan pembuatan meningkat daripada 76.6% pada 2010 kepada 85.3% pada 2023 mencerminkan evolusi sektor pembuatan di Malaysia. Sementara itu, bahagian barangan perlombongan menyusut daripada 11.6% kepada 7.4% dan barangan pertanian daripada 11.2% kepada 6.6% dalam tempoh yang sama.

Eksport utama barangan pembuatan ialah produk E&E yang merangkumi lebih 40% daripada jumlah eksport pada 2023. Malaysia memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan E&E global seiring dengan kedudukan sebagai pengeksport elektronik dan semikonduktor keenam terbesar di dunia. Malaysia menyumbang sebanyak 7% daripada aliran perdagangan semikonduktor dan 13% daripada operasi *back-end* di seluruh dunia termasuk pengujian cip dan pembungkusan. Eksport utama bagi produk komoditi pula termasuk LNG; petroleum mentah; minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit; serta getah asli.


RAJAH 2.2.1. Komposisi Eksport Kasar mengikut Sektor Utama (% bahagian), 2010 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Sementara itu, import kasar secara umumnya dikelaskan mengikut kategori ekonomi umum (BEC). Import kasar utama Malaysia mengikut BEC adalah barangan perantaraan, barangan modal dan barangan penggunaan. Barangan perantaraan ialah produk yang digunakan dalam proses pengeluaran untuk menghasilkan barangan lain sebelum dijual kepada pengguna akhir. Barangan perantaraan masih merupakan bahagian terbesar dalam import Malaysia walaupun terdapat penurunan daripada 69.1% pada 2010 kepada 51.2% pada 2023. Penyusutan ini mencerminkan perkembangan sektor pembuatan tempatan berikutan pengeluaran nilai ditambah tinggi seterusnya meningkatkan keupayaan domestik. Barangan modal merupakan 10.6% daripada jumlah import kasar pada 2023 iaitu pengurangan daripada sekitar 14% pada 2010. Walau bagaimanapun, bahagian import untuk barangan penggunaan meningkat daripada 6.5% pada 2010 kepada 8.6% pada 2023.

RAJAH 2.2.2. Komposisi Import Kasar mengikut Kategori Ekonomi Umum (% bahagian), 2010 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Analisis Sensitiviti Perdagangan

Berdasarkan teori, peningkatan dalam eksport kasar menyumbang secara langsung kepada peningkatan eksport bersih dan pertumbuhan KDNK manakala kenaikan dalam import kasar boleh meningkatkan defisit perdagangan dan mengurangkan KDNK dengan andaian *ceteris paribus*. Oleh itu, analisis ekonometrik telah dijalankan untuk mengkaji sensitiviti komponen utama dalam eksport dan import kasar kepada KDNK serta eksport dan import bersih.

RAJAH 2.2.3. Analisis Sensitiviti Terhadap Eksport Bersih, Import Bersih dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (mata peratusan, ppt)

KOMPONEN	EKSPORT BERSIH	KDNK
Eksport kasar		
Barangan pembuatan	↑ 0.854	↑ 0.586
Barangan perlombongan	↑ 0.068	↑ 0.047
Barangan pertanian	↑ 0.067	↑ 0.046
KOMPONEN	IMPORT BERSIH	KDNK
Import kasar		
Barangan perantaraan	↑ 0.568	↓ 0.349
Barangan penggunaan	↑ 0.131	↓ 0.082
Barangan modal	↑ 0.054	↓ 0.034

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Perubahan dalam eksport barangan pembuatan lebih sensitif terhadap eksport bersih dan KDNK berbanding eksport barangan perlombongan dan barangan pertanian seperti dalam Rajah 2.2.3. Peningkatan satu mata peratusan (ppt) dalam eksport barangan pembuatan akan meningkatkan eksport bersih sebanyak 0.854 ppt dan KDNK sebanyak 0.586 ppt. Sementara itu, eksport barangan perlombongan dan barangan pertanian menunjukkan penemuan serupa tetapi memberikan kesan minimum terhadap eksport bersih dan KDNK.

Sementara itu, peningkatan satu ppt dalam import barangan perantaraan akan meningkatkan import bersih sebanyak 0.568 ppt dan mengurangkan KDNK sebanyak 0.349 ppt memandangkan barangan perantaraan merupakan bahagian import terbesar iaitu purata tahunan melebihi 50% dalam tempoh 2010 hingga 2023. Walau bagaimanapun, barangan penggunaan mempunyai kesan yang lebih tinggi kepada import bersih dan KDNK berbanding barangan modal. Hubungan ini dijelaskan oleh kitaran ekonomi barangan penggunaan yang lebih pendek kerana barangan tersebut dibeli dan digunakan secara serta-merta oleh isi rumah dan seterusnya mempengaruhi penggunaan domestik yang juga merupakan sebahagian besar daripada KDNK. Barangan modal pula digunakan untuk pengeluaran dan menyumbang kepada KDNK dalam tempoh yang lebih lama dan mungkin tidak meningkatkan penggunaan dan hasil pengeluaran dengan segera.

Penemuan analisis sensitiviti sektor pembuatan yang lebih tinggi adalah selaras dengan tumpuan yang diberikan kepada sektor ini yang turut menyumbang sekitar 23% kepada KDNK. Malaysia juga berada pada kedudukan yang baik untuk mempelbagaikan dan meningkatkan rantai nilai. Sementara itu, barangan perlombongan dan barangan pertanian mempunyai sensitiviti yang rendah terhadap KDNK disebabkan oleh turun naik pendapatan sektor berikutan ketidakpastian harga komoditi dan cuaca. Di samping itu, pertumbuhan industri berasaskan sumber turut terjejas disebabkan kekurangan tenaga buruh terutamanya dalam sektor pertanian yang berintensifkan

buruh kerana peralihan kepada berintensifkan modal adalah mahal. Cabaran ini terus menjejaskan produktiviti dan pertumbuhan walaupun terdapat peluang yang luas dalam sektor pertanian (Bank Dunia, 2018). Sektor ini juga bergantung kepada bantuan kerajaan dan sebarang perubahan dasar awam boleh memberikan kesan langsung kepada pembangunan sektor pertanian. Selain itu, produktiviti dan daya saing dalam sektor perlombongan juga mungkin terjejas disebabkan kekurangan tenaga kerja mahir dan kepakaran khusus serta penerimgunaan teknologi tinggi yang perlahan. Tambahan pula, kos pelaburan yang tinggi untuk meneroka mineral dan kawasan baharu kekal menjadi cabaran walaupun Malaysia dianugerahkan pelbagai mineral dan sumber asli.

Penemuan tersebut adalah selaras dengan strategi yang digariskan untuk sektor pembuatan. Sinergi simbiotik yang kukuh dapat diwujudkan antara industri hulu dengan hiliran dalam ekosistem ekonomi melalui pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) serta disokong oleh sektor pertanian dan perlombongan. Berdasarkan kemajuan dalam sektor pembuatan, Malaysia berpotensi untuk meningkatkan rantaian nilai dan eksport barangan yang kompleks dan mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi merentasi semua sektor. Usaha memanfaatkan hubungan perdagangan penting bagi memastikan kemampanan eksport Malaysia selain daripada tumpuan kepada sektor ekonomi domestik.

Rakan Dagang Utama

Malaysia merupakan negara Asia Tenggara yang berkembang pesat serta mempunyai hubungan perdagangan yang dinamik dengan dua ekonomi terbesar dunia iaitu China dan AS yang sangat signifikan untuk landskap ekonomi negara. China sebagai rakan dagang terbesar Malaysia memainkan peranan penting dalam aktiviti perindustrian dan eksport manakala AS yang berada pada kedudukan ketiga selepas Singapura menyumbang kepada barangan bernilai tinggi dan inovasi teknologi. Keseimbangan hubungan dengan China dan AS membolehkan Malaysia meningkatkan daya saing perdagangan global dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

Ketegangan perdagangan antara AS dengan China yang bermula pada 2018 dengan pengenaan tarif yang tinggi dan halangan bukan tarif telah memberikan kesan ketara yang menjejaskan perdagangan dan pelaburan global, mengganggu rantaian bekalan serta menjejaskan perniagaan, pekerjaan dan pengguna. Memandangkan Malaysia mengamalkan ekonomi terbuka dan terlibat secara langsung dalam rantaian bekalan global, ketegangan geopolitik antara kedua negara telah menimbulkan cabaran dan peluang. Malaysia mendapat manfaat daripada lencongan perdagangan berikutan penempatan semula industri dari China dan AS ke rantau Asia Tenggara sebagai langkah untuk mengelakkan kemungkinan risiko daripada peningkatan ketegangan AS-China. Industri semikonduktor, telekomunikasi dan berkaitan teknologi merupakan penerima manfaat utama daripada lencongan pelaburan di Malaysia. Sehubungan itu, Malaysia terus meningkatkan daya saing dan menambah baik hala tuju dasar untuk kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik di rantau ini.


Perdagangan dengan China

Hubungan perdagangan Malaysia dengan China telah berkembang dengan ketara sejak beberapa dekad yang lalu dibina berdasarkan kepentingan ekonomi bersama, kedudukan geografi dan kekuatan industri yang saling melengkapi. Malaysia mengeksport pelbagai barangan ke China termasuk produk E&E; kimia dan produk kimia; LNG; pembuatan barangan logam; produk pembuatan lain; serta minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit. Sementara itu,

import utama Malaysia dari China termasuk produk E&E; jentera, kelengkapan dan peralatan; kimia dan produk kimia; pembuatan barangan logam; dan produk petroleum. Import barangan tersebut menyokong industri pembuatan dan pasaran pengguna di Malaysia.

Hubungan ekonomi yang dinamik dan kian berkembang dengan China meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan menggalakkan integrasi ekonomi serantau terutamanya dalam rangka kerja inisiatif seperti Inisiatif Jalur Dan Laluan (BRI) dan RCEP. Memandangkan Malaysia terus berhadapan dengan cabaran perdagangan global, kerjasama dengan China kekal sebagai asas strategi ekonomi yang mencerminkan kepentingan strategik China dalam dasar perdagangan dan pembangunan ekonomi Malaysia. Eksport Malaysia ke China mencatat peningkatan trend dari 2015 hingga 2022 walaupun terdapat ketegangan perdagangan antara AS dengan China seperti dalam Rajah 2.2.4. Walau bagaimanapun, eksport ke China menyederhana pada 2023 disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.

RAJAH 2.2.4. *Perdagangan Malaysia dengan China, 2015 – 2023*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia


Perdagangan dengan AS

Perdagangan Malaysia dengan AS penting dalam strategi ekonomi antarabangsa negara sekali gus mencerminkan hubungan komersial dan pelaburan yang kukuh sejak beberapa dekad. Negara AS memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia yang berorientasikan eksport terutamanya bagi produk E&E; barangan optik dan saintifik; produk getah; dan minyak sawit yang menunjukkan kepelbagaian dan kekuatan sektor pembuatan dan pertanian Malaysia. Sementara itu, Malaysia mengimport jentera berteknologi tinggi, komponen pesawat, barangan optik dan saintifik serta produk pertanian dari AS yang seterusnya menyumbang kepada kemajuan teknologi dan pertumbuhan industri Malaysia.

Hubungan perdagangan turut digambarkan melalui pindahan teknologi termaju dan dagangan bernilai tinggi di samping aliran FDI yang kukuh. Kerjasama ini menambah baik daya tahan ekonomi dan menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi pemain utama dalam rantai bekalan global serta memupuk inovasi dan daya saing industri. Eksport Malaysia ke AS meningkat ketara semasa pascapandemik COVID-19 seperti dalam Rajah 2.2.5. Purata eksport ke AS melonjak daripada RM98.8 bilion dalam tempoh 2018 – 2020 kepada RM156.9 bilion pada 2021 – 2023.

Peningkatan permintaan dari AS dalam tempoh tersebut disumbangkan oleh produk E&E; produk pembuatan lain; produk petroleum; jentera, kelengkapan dan peralatan; barangan optik dan saintifik; serta produk getah.

RAJAH 2.2.5. Perdagangan Malaysia dengan AS, 2015 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Analisis Model Graviti

Secara amnya, sebarang gangguan dalam perdagangan antarabangsa boleh mengurangkan hasil eksport, meningkatkan ketidakstabilan pasaran dan menggugat pertumbuhan ekonomi. Kebergantungan yang tinggi terhadap rakan dagang tradisional menghadkan usaha kepelbagaian justeru menjadikan Malaysia lebih terdedah kepada kejutan global dan perubahan dasar.

RAJAH 2.2.6. Analisis Sensitiviti Perdagangan antara Eksport Kasar Malaysia dengan China dan AS Menggunakan Model Graviti



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Model graviti¹ digunakan untuk menganalisis sensitiviti eksport kasar Malaysia apabila menjalankan perdagangan dengan China dan AS. Pemboleh ubah yang diguna pakai untuk analisis ini ialah KDNK negara pengeksport dan pengimport serta populasi negara pengeksport dan pengimport selain daripada kadar pertukaran sebagai pemboleh ubah tambahan bagi mendapat lebih banyak penemuan. Penemuan analisis menunjukkan bahawa perubahan 1% dalam KDNK China akan mempengaruhi eksport Malaysia sebanyak 1.13% seperti dalam Rajah 2.2.6. Sementara itu, perubahan 1% dalam KDNK AS akan memberikan impak yang lebih besar kepada eksport kasar Malaysia sebanyak 1.71%. Penemuan ini menyokong fakta bahawa Malaysia adalah pengeksport bersih dengan AS dan pengimport bersih dengan China.

Peningkatan eksport akan menghasilkan lebih dagangan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana peluasan eksport dapat memacu pengeluaran barangan dan perkhidmatan dengan cekap untuk mencapai ekonomi berskala besar terutamanya dalam sektor bagi negara yang mempunyai kelebihan bandingan. Aliran masuk dana ke negara akan bertambah apabila Malaysia meningkatkan eksport ke AS yang menggalakkan perbelanjaan pengguna dan permintaan agregat seterusnya memacu KDNK. Teori ini dicerminkan oleh hubungan positif iaitu 1% perubahan dalam KDNK Malaysia akan memberikan impak sebanyak 0.3% kepada eksport kasar Malaysia ke AS. Penemuan positif ini selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport bersih ke AS iaitu 1% perubahan dalam KDNK AS akan memberikan kesan yang lebih besar kepada eksport kasar Malaysia.

Malaysia adalah pengimport bersih dengan China dan analisis ini merumuskan terdapat hubungan negatif antara eksport kasar Malaysia ke China sebanyak 0.04% untuk setiap 1% perubahan dalam KDNK Malaysia. Perkara ini dijelaskan oleh kesan eksport kasar Malaysia ke China yang lebih rendah berbanding dengan AS untuk setiap 1% perubahan dalam KDNK China memandangkan Malaysia mengimport lebih banyak daripada China. Import yang lebih tinggi menunjukkan defisit dagangan yang boleh menjejaskan ekonomi jika tidak seimbang dengan eksport yang kukuh. Tahap import kasar yang tinggi juga menunjukkan permintaan domestik yang teguh dan ekonomi yang semakin berkembang terutamanya jika import kasar adalah barangan perantaraan dan barangan modal yang digunakan dalam proses pengeluaran dan pelaburan. Walaupun penemuan analisis menunjukkan hubungan negatif terhadap kesan eksport kasar Malaysia ke China, namun import dapat menyokong industri pembuatan dan pasaran pengguna di Malaysia yang seterusnya meningkatkan produktiviti negara dalam jangka masa panjang.

Penemuan tersebut menunjukkan terdapat hubungan positif antara eksport kasar Malaysia dengan penduduk China dan AS. Analisis menunjukkan bahawa Malaysia lebih sensitif terhadap populasi di AS berbanding China. Setiap 1% perubahan di AS akan mempengaruhi eksport kasar Malaysia ke negara itu sebanyak 17.27% manakala 1% perubahan di China akan mempengaruhi eksport kasar Malaysia sebanyak 3.99%. Penemuan ini menunjukkan bahawa peningkatan penduduk di negara tersebut akan meningkatkan permintaan eksport kasar Malaysia. Sebaliknya, setiap 1% perubahan dalam penduduk Malaysia mempunyai hubungan negatif kepada setiap peningkatan dalam permintaan daripada China dan AS. Pertumbuhan populasi Malaysia memberikan impak yang ketara kepada eksport kasar berikutan peningkatan permintaan bagi memenuhi penggunaan tempatan. Justeru, pertumbuhan populasi akan meningkatkan permintaan tempatan untuk barangan dan perkhidmatan seterusnya mengurangkan eksport (Fohoue, et al., 2024). Pengeluaran tempatan akan dimanfaatkan untuk memenuhi peningkatan permintaan domestik berikutan pertambahan populasi sebelum memasuki pasaran eksport.

¹ Model graviti ialah pendekatan teori yang boleh menerangkan dan meramal aliran perdagangan berdasarkan dua komponen utama iaitu KDNK dan jarak antara negara serta populasi dan kadar pertukaran sebagai pemboleh ubah kawalan.

Selain itu, penemuan analisis menunjukkan hubungan positif antara eksport kasar Malaysia dengan kadar pertukaran kerana penyusutan nilai ringgit akan menyumbang kepada peningkatan eksport kasar Malaysia ke negara berkaitan. Analisis menunjukkan bahawa Malaysia lebih sensitif terhadap dolar AS berbanding renminbi. Sehubungan itu, setiap 1% perubahan dalam dolar AS akan memberikan kesan kepada eksport kasar Malaysia ke AS sebanyak 0.75% manakala 1% perubahan dalam renminbi akan mempengaruhi eksport kasar Malaysia ke China sebanyak 0.17%. Penemuan ini berdasarkan fakta bahawa dolar AS adalah mata wang yang paling banyak didagangkan dalam perdagangan dan transaksi antarabangsa. Justeru, sebarang turun naik dalam nilai dolar AS akan memberikan kesan global yang ketara termasuk Malaysia.

Jumlah dagangan Malaysia dengan China jauh lebih tinggi berbanding AS seterusnya menjadikan China sebagai rakan dagang terbesar negara. Imbangan dagangan dengan China adalah lebih besar kerana kebergantungan tinggi industri pembuatan Malaysia kepada import kasar barangan perantaraan daripada China yang mengakibatkan Malaysia mencatat defisit dagangan dengan negara ini. Selain itu, pembangunan infrastruktur projek berskala besar melalui pelaburan China dengan kebanyakan bahan dan peralatan diperoleh daripada China turut menyumbang kepada defisit dagangan. Walaupun jumlah dagangan Malaysia dengan AS adalah lebih rendah berbanding China, namun dagangan dengan AS penting bagi sektor ekonomi strategik seperti teknologi dan penjagaan kesihatan. Berikutan penemuan analisis yang menunjukkan bahawa eksport kasar Malaysia lebih sensitif terhadap senario ekonomi di AS berbanding di China maka sebarang peralihan ke arah dasar perlindungan seperti peningkatan tarif dan langkah bukan tarif baharu di negara tersebut mampu menjejaskan sektor luar Malaysia.

Kesimpulan

Melangkah ke hadapan, perdagangan Malaysia dengan China dan AS dijangka terus kukuh dipacu oleh ekonomi global dan dasar perdagangan yang dinamik meskipun berdepan ketidakpastian geopolitik. Malaysia terus responsif dengan perubahan landskap ekonomi dan meraih setiap peluang yang muncul bagi mendepani cabaran perdagangan global yang kompleks. Komitmen untuk terus mengamalkan prinsip perdagangan terbuka disokong oleh dasar ekonomi yang strategik dan berpandangan jauh dapat membantu Malaysia mengekalkan momentum pertumbuhan, meningkatkan daya tahan ekonomi seterusnya kekal berdaya saing dalam pasaran global. Hubungan perdagangan yang unik dengan setiap rakan dagang membantu Malaysia mengekalkan pelbagai portfolio perdagangan secara seimbang serta menyokong kemampuan kepelbagaian ekonomi selaras dengan aspirasi yang digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Harga

Inflasi kekal sederhana meskipun pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel

Inflasi keseluruhan yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna (IHP)** menyederhana dengan purata 1.8% dalam lapan bulan pertama tahun ini iaitu lebih rendah daripada 2.9% dalam tempoh yang sama pada 2023 berikutan persekitaran kos yang menggalakkan dan permintaan yang stabil. Prestasi ini

terutamanya didorong oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kategori makanan & minuman (1.8%) serta restoran & perkhidmatan penginapan (3.2%) walaupun dengan peningkatan dalam perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (2.9%) yang lebih tinggi berikutan pelarasan caj tarif air dan perkhidmatan pembentungan. Kumpulan utama lain yang mencatat kenaikan harga melebihi inflasi keseluruhan ialah penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (2.9%) dan kesihatan (2%).

Subsidi diesel bersasar yang dilaksanakan pada Jun 2024 tidak memberikan kesan ketara ke atas inflasi berikutan wajaran yang kecil dalam bakul IHP (0.2%) serta tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap aktiviti pencatutan, pengekalan subsidi diesel kepada sektor perniagaan terpilih dan pemberian bantuan tunai bersasar.

Inflasi keseluruhan dijangka kekal terkawal sepanjang tahun dan berada antara 1.5% hingga 2.5% yang menghampiri purata jangka masa panjang sekitar 2%. Risiko inflasi bergantung kepada tahap kesan rantaian terhadap barangan lain berikutan sebarang pelaksanaan langkah dasar ke atas subsidi dan kawalan harga serta turun naik harga komoditi global.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan mencatat 0.9% pada lapan bulan pertama 2024 berbanding

penguncupan 2.4% dalam tempoh yang sama pada 2023. Semua sektor utama mengalami peningkatan yang diterajui oleh bekalan air (6.4%), pertanian, perhutanan dan perikanan (3.8%) dan perlombongan (3.3%). Di samping itu, pertumbuhan sederhana direkodkan dalam sektor bekalan elektrik dan gas (0.5%) dan pembuatan (0.4%). Pada peringkat pemprosesan, IHPR bagi bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatat peningkatan sebanyak 3.4% dan 2.3% bagi barang siap. Walau bagaimanapun, harga bahan perantaraan, bekalan dan komponen berkurang sebanyak 0.4%. Secara keseluruhan, IHPR dijangka stabil berikutan kestabilan harga komoditi dan permintaan yang mampan merentasi sektor utama. Sementara itu, risiko inflasi tolakan kos (*cost-push*) dijangka kekal berikutan turun naik harga komoditi global dan gangguan rantaian bekalan.

JADUAL 2.13. Indeks Harga Pengguna, Januari – Ogos 2023 dan 2024 (2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2023	2024	2023	2024
Indeks Harga Pengguna	100.0	2.9	1.8	2.90	1.80
Makanan & minuman	29.8	5.7	1.8	1.71	0.54
Minuman alkohol & tembakau	1.9	0.6	0.6	0.01	0.01
Pakaian & kasut	2.7	0.3	-0.2	0.01	-0.01
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	23.2	1.7	2.9	0.39	0.67
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	4.3	2.7	0.9	0.12	0.04
Kesihatan	2.7	2.0	2.0	0.05	0.05
Pengangkutan	11.3	1.6	1.1	0.18	0.12
Maklumat & komunikasi	6.6	-2.6	-0.9	-0.17	-0.06
Rekreasi, sukan & kebudayaan	3.0	1.7	1.7	0.05	0.05
Pendidikan	1.3	1.8	1.5	0.02	0.02
Restoran & perkhidmatan penginapan	3.4	6.2	3.2	0.21	0.11
Insurans & perkhidmatan kewangan	4.0	0.2	0.1	0.01	0.00
Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan	5.8	2.5	2.9	0.14	0.17


¹ Berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2022
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 2.14. Indeks Harga Pengeluar, Januari – Ogos 2022 dan 2023 (2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2023	2024	2023	2024
Indeks Harga Pengeluar mengikut sektor	100.000	-2.4	0.9	-2.400	0.900
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	-19.4	3.8	-1.306	0.256
Perlombongan	7.927	-8.4	3.3	-0.666	0.262
Pembuatan	81.571	0.2	0.4	0.163	0.326
Bekalan elektrik dan gas	3.442	0.8	0.5	0.028	0.017
Bekalan air	0.330	3.2	6.4	0.011	0.021
Indeks Harga Pengeluar mengikut peringkat pemprosesan	100.000	-2.4	0.9	-2.400	0.900
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	-14.8	3.4	-2.429	0.558
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.119	-0.2	-0.4	-0.112	-0.224
Barang siap	27.471	3.6	2.3	0.989	0.632

¹ Berdasarkan Banci Ekonomi 2016
 Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 2.7. Trend Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pasaran Buruh

Kedudukan pasaran buruh yang stabil

Pasaran buruh menunjukkan peningkatan yang konsisten pada separuh pertama 2024 didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Permintaan domestik yang kukuh dan pemulihan dalam sektor luar negeri telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran. Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat dengan ketara kepada 70.5%. Jumlah **guna tenaga** meningkat lebih tinggi sebanyak 3.9% kepada 16.2 juta orang berbanding tenaga buruh yang meningkat 3.5% kepada 16.8 juta orang. Pertumbuhan guna tenaga yang lebih besar telah menyumbang kepada penurunan ketara **kadar pengangguran** kepada 3.2% atau 534,500 orang. Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber utama guna tenaga dalam tempoh tersebut iaitu 65.6% diikuti oleh sektor pembuatan (16.4%) dan pertanian (9.2%).

Kemajuan dalam pasaran buruh juga dicerminkan melalui jumlah **pemberhentian** pekerja yang kekal rendah iaitu 25,796 orang

pada akhir Jun 2024 berikutan industri terus mengekalkan pekerja untuk menyokong kelangsungan aktiviti perniagaan. **Kekosongan** jawatan mencatat lebih 748,900 jawatan dengan lebih 50% merupakan pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Selain itu, **penempatan** pekerjaan kekal positif dengan lebih 78,100 orang memperoleh penempatan sepanjang separuh pertama 2024 yang menunjukkan sekitar 10% jawatan kosong telah diisi.

Pasaran buruh dijangka kekal stabil pada separuh kedua tahun ini disokong oleh aktiviti pengambilan pekerja yang menggalakkan berikutan pengembangan berterusan perniagaan selaras dengan pertumbuhan ekonomi domestik. Aktiviti pengajian pekerja terutamanya disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan khususnya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan penginapan dan makanan dan minuman serta industri berorientasikan eksport. Justeru, kadar pengangguran dijangka kekal 3.2% bagi keseluruhan 2024.

JADUAL 2.15. *Penunjuk Pasaran Buruh*

	('000)			PERUBAHAN (%)		
	H1 ¹	2024 ²	2025 ³	H1 ¹	2024 ²	2025 ³
Tenaga buruh	16,773.4	16,837.7	17,180.0	3.5	2.9	2.0
Guna tenaga	16,238.9	16,303.3	16,646.5	3.9	3.1	2.1
Pengangguran	534.5	534.4	533.5	(3.2)	(3.2)	(3.1)

¹ Januari hingga Jun 2024

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 2.16. *Guna Tenaga mengikut Sektor*

	('000)			BAHAGIAN (%)		
	H1 ²	2024 ³	2025 ⁴	H1 ²	2024 ³	2025 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,491.8	1,494.9	1,517.4	9.2	9.2	9.1
Perlombongan dan pengkuarian	90.6	90.4	91.3	0.6	0.6	0.5
Pembuatan	2,668.1	2,670.6	2,748.0	16.4	16.4	16.5
Pembinaan	1,336.6	1,337.2	1,370.6	8.2	8.2	8.2
Perkhidmatan	10,651.8	10,710.1	10,919.1	65.6	65.7	65.6
Jumlah¹	16,238.9	16,303.3	16,646.5	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

² Januari hingga Jun 2024

³ Anggaran

⁴ Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Komitmen berterusan untuk menangani kekurangan pekerja dalam ekonomi di samping pelanjutan proses pendaftaran pekerja asing di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja telah memudahkan urusan penggajian dan mobiliti pekerja asing. Oleh itu, bilangan **pekerja asing** berkemahiran rendah yang berdaftar menunjukkan peningkatan sebanyak 41.1% kepada sekitar 2.5 juta orang pada akhir Ogos 2024 berbanding 1.8 juta orang dalam tempoh yang sama pada 2023. Pekerja asing terutamanya berasal dari Bangladesh dengan peratusan sebanyak 37.8% diikuti oleh Indonesia (23.7%) dan Nepal (16.7%). Dari sudut pekerjaan pula, 31.5% daripada jumlah pekerja asing bekerja dalam sektor pembuatan diikuti oleh sektor pembinaan (28.4%) dan perkhidmatan (18.2%). Dalam tempoh yang sama, jumlah pekerja asing berkemahiran rendah mencatat 14.8% daripada jumlah guna tenaga iaitu menghampiri had 15% yang dibenarkan. Sementara itu, bilangan **ekspatriat** meningkat 6.3% kepada 113,493 orang pada akhir Ogos 2024. Majoriti ekspatriat berasal dari China (24.1%) diikuti oleh India (18.3%) dan Filipina (8%) dan bekerja terutamanya dalam sektor teknologi maklumat (38.7%), perkhidmatan (26.8%) dan pembinaan (10.5%).

Produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja meningkat 2.6% kepada RM48,387 pada separuh pertama 2024 disumbangkan oleh peningkatan

produktiviti dalam semua sektor ekonomi terutamanya sektor pembinaan (13.5%) serta perlombongan dan pengkuarian (4.1%). Peningkatan produktiviti dalam dua sektor tersebut juga disokong oleh pertumbuhan yang memberangsangkan dalam subsektor kejuruteraan awam; dan aktiviti pembinaan pertukangan khas; serta minyak mentah dan gas asli; dan aktiviti sokongan perkhidmatan perlombongan. Secara keseluruhan, produktiviti buruh dijangka berkembang 2.3% kepada RM100,000 pada 2024 dipacu oleh usaha berterusan untuk menyokong industri mempercepat lebih banyak penerimgunaan teknologi, automasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi serta pembangunan kemahiran bakat untuk memenuhi keperluan industri. Sektor pembinaan diunjur mencatat peningkatan tertinggi 12.8% diikuti oleh sektor pembuatan (2.6%) serta perlombongan dan pengkuarian (2.4%).

Tinjauan 2025

Tinjauan Global

Pertumbuhan yang stabil dan berdaya tahan

Ekonomi global diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 3.3% pada 2025 disumbangkan oleh perkembangan stabil

dalam kalangan ekonomi maju dan EMDE. Ekonomi maju dijangka meningkat sebanyak 1.8% dengan pertumbuhan KDNK AS diunjur menyederhana kepada 1.9% berikutan permintaan dan pasaran buruh yang perlahan. Sementara itu, kawasan euro dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 1.5% didorong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan yang lebih baik. Pertumbuhan EMDE diunjur stabil pada 4.3% dengan ekonomi China diunjur sedikit perlahan pada 4.5% disebabkan oleh pertumbuhan produktiviti yang lemah. Sementara itu, ekonomi India diunjur berkembang sebanyak 6.5% disokong oleh penggunaan domestik yang mampan.

Perdagangan global dijangka berkembang sebanyak 3.4% didorong oleh peningkatan aktiviti perdagangan dalam kalangan ekonomi maju dan EMDE. Perdagangan ekonomi maju dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 2.8% dan EMDE pada 4.5%. **Inflasi global** dijangka terus menyusut kepada 4.4% dengan kadar inflasi ekonomi maju diunjur pada 2.1% manakala EMDE pada 6% berikutan penurunan harga tenaga dan pasaran buruh yang menyederhana.

Tinjauan Domestik

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Perbelanjaan pengguna memacu pertumbuhan

Sektor **perkhidmatan** diunjur berkembang sebanyak 5.5% pada 2025 didorong oleh pengembangan dalam semua subsektor. Pertumbuhan ini terutamanya disumbangkan oleh perbelanjaan pengguna yang berterusan serta aktiviti berkaitan perniagaan dan pelancongan yang pesat.

Subsektor perdagangan borong dan runcit kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 4.7%. Jangkaan peningkatan ini terutamanya dipacu oleh segmen perdagangan runcit melalui penerimgunaan teknologi yang lebih tinggi khususnya dalam AI dan analisis data raya serta penggunaan media sosial dan platform e-dagang oleh peruncit tradisional dan peniaga berskala besar. Segmen kenderaan bermotor juga dijangka kekal kukuh berikutan pelancaran model baharu yang dilengkapi dengan ciri inovatif dan canggih khususnya bagi EV dan kenderaan hibrid.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka berkembang sebanyak 10.4% disokong oleh semua segmen berikutan peningkatan dalam aktiviti rel, lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang. Segmen pengangkutan darat diunjur meningkat berikutan penambahan 27 set tren baharu bagi LRT Laluan Kelana Jaya yang dijangka meningkatkan penumpang harian dan mengurangkan masa menunggu. Pembukaan lebuhraya baharu seperti Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dan penaiktarafan Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang (SILK) dijangka mengurangkan masa perjalanan dan kesesakan lalu lintas di kawasan Lembah Klang. Di samping itu, segmen pengangkutan udara diunjur meningkat disokong oleh penyambungan semula perkhidmatan penerbangan langsung ke destinasi terkemuka serta peningkatan aktiviti kargo udara berikutan peralihan daripada penghantaran maritim akibat krisis Laut Merah yang berterusan. Sementara itu, segmen pengangkutan air dijangka mencatat pertumbuhan stabil sejajar dengan pertambahan kargo di pelabuhan dan kapasiti pengendalian kontena.

RENCANA 2.3**Menggalakkan Mobiliti Hijau dalam Memacu Negara ke Hadapan**

Pengenalan

Malaysia komited untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih menjelang 2050 sejajar dengan matlamat global bagi perubahan iklim. Negara juga berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon keseluruhan ekonomi (berbanding KDNK) sehingga 45% pada 2030.¹ Bagi merealisasikan komitmen ini, kerangka Ekonomi MADANI telah menggariskan keutamaan untuk meningkatkan dan menstruktur semula ekonomi melalui pelaksanaan inisiatif peralihan tenaga dalam industri baharu di bawah bidang pertumbuhan hijau termasuk mobiliti hijau, tenaga boleh baharu (TBB) dan bahan api alternatif yang mampan dalam sektor pengangkutan. Kerangka ini terus diperkukuh dengan penggubalan pelan strategik nasional seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen yang membuka peluang pelaburan dan pemerkasaan modal insan dalam bidang pertumbuhan hijau.


Prestasi Sektor Pengangkutan Sepintas Lalu

Sektor pengangkutan memainkan peranan penting sebagai penggerak aktiviti sosioekonomi yang merangkumi mobilisasi barangan, manusia dan sumber ekonomi. Walau bagaimanapun, sektor ini terus menjadi penyumbang utama kepada pelepasan GHG iaitu sebanyak 64,973 kilo tan atau bersamaan 20% daripada jumlah keseluruhan CO₂ mengikut kadar 2019 dan daripada jumlah tersebut 86.4% adalah daripada pengangkutan darat (Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia, 2024a).

Jumlah jualan kenderaan dalam industri automotif meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun sebanyak 25.4% kepada 799,731 unit dalam tempoh 2021 – 2023 seperti dalam Rajah 2.3.1. Pada masa yang sama, pertumbuhan untuk segmen kenderaan elektrik (EV) meningkat sebanyak 504.5% yang menandakan permintaan pengguna yang lebih tinggi untuk mobiliti hijau disokong insentif yang menarik bagi pemilikan EV di bawah langkah belanjawan tahunan. Walau bagaimanapun, segmen EV hanya mewakili 1.3% (10,159 unit) daripada keseluruhan jualan kenderaan pada 2023 yang menunjukkan bahawa *brown mobility* masih kekal menguasai segmen pengangkutan darat.

¹ Berdasarkan *Malaysia's Nationally Determined Contribution to the Paris Agreement of the United Nations Framework Convention on Climate Change* berbanding intensiti pelepasan pada 2005.

RAJAH 2.3.1. Jumlah Jualan Industri Automotif, 2021 – 2024



¹ Sasaran
² Januari – Jun 2024
 Sumber: Persatuan Automotif Malaysia

Industri automotif Malaysia mula beralih daripada kenderaan enjin pembakaran dalaman (ICE) kepada mobiliti hijau melalui penggunaan kenderaan cekap tenaga dan kenderaan dengan pelepasan karbon rendah. Peralihan ini disokong oleh lonjakan dalam jumlah pemilikan dan pelaburan berkaitan EV termasuk kilang pemasangan, kemudahan tapak pengecasan dan pembuatan komponen bateri. Di samping itu, Kerajaan telah menetapkan sasaran jualan EV sebanyak 80% daripada jumlah jualan kenderaan bermotor menjelang 2050 dan 40% TBB dalam campuran bahan api negara menjelang 2035 (Kementerian Ekonomi Malaysia, 2023). Kerajaan juga menyasarkan pemasangan 10,000 tapak pengecasan menjelang 2025 (Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia, 2021). Sehingga 30 Jun 2024, Rangkaian Pengecasan Kenderaan Elektrik Malaysia (MEVnet) melaporkan bahawa 2,606 tapak pengecasan EV telah dipasang di 920 lokasi seluruh negara. Kemajuan yang dicapai sebanyak 26.1% daripada jumlah sasaran menunjukkan bahawa usaha perlu dipergiat bagi mempercepat pembangunan infrastruktur pengecasan dalam tempoh masa yang berbaki.

Mobiliti Hijau dan Potensi Ekonomi

Mobiliti hijau telah mendapat perhatian global berikutan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap perubahan iklim, peningkatan pencemaran bandar dan dorongan ke arah pelepasan karbon sifar bersih untuk pembangunan mampan. Kemajuan dalam teknologi bersih, peningkatan keutamaan pengguna untuk kenderaan mesra alam dan sokongan dasar kerajaan juga telah menyumbang kepada peningkatan kesedaran awam. Kebanyakan bandar berusaha untuk mengurangkan jejak karbon melalui mobiliti hijau yang merangkumi pengangkutan awam, EV, berbasikal dan berjalan kaki dengan Copenhagen, Oslo dan Sydney menetapkan matlamat untuk menjadi bandar neutral karbon seawal 2025. Malaysia turut menyertai persaingan global ke arah pelepasan karbon sifar bersih dengan merangka pelan hala tuju serta inisiatif strategik seperti digariskan dalam Rangka Tindakan Bandar Pintar Putrajaya selari dengan aspirasi NETR. Pelan dan inisiatif strategik berkaitan mobiliti hijau adalah seperti dalam Rajah 2.3.2.

RAJAH 2.3.2. Inisiatif dan Pelan Strategik Berkaitan Mobiliti Hijau



Peralihan kepada mobiliti hijau berpotensi menjana kesan penganda yang tinggi merentas pelbagai sektor ekonomi seterusnya menyokong bidang pertumbuhan baharu. Kementerian Kewangan telah mengenal pasti 15 daripada 124 industri dalam Jadual Input-Output (IO) 2021 sebagai proksi bagi analisis sektor mobiliti hijau dalam menentukan kesan penganda. Industri tersebut termasuk perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal; komponen dan papan elektronik serta elektrik dan gas. Analisis IO menunjukkan bahawa bagi setiap RM1.00 perubahan dalam permintaan mobiliti hijau akan menghasilkan perubahan output daripada aktiviti yang saling berhubung kait di sepanjang rantaian bekalan dalam ekonomi sebanyak RM1.76 seperti dalam Jadual 2.3.1.

JADUAL 2.3.1. Anggaran Nilai bagi Sektor yang Saling Berhubung Kait

SEKTOR	ANGGARAN NILAI (RM)
Pembinaan	2.00
Pembuatan	1.98
Mobiliti Hijau ²	1.76
Utiliti	1.67
Perkhidmatan	1.58
Pertanian	1.30
Perlombongan	1.25

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

² Industri proksi kepada mobiliti hijau ialah perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal; komponen dan papan elektronik; elektrik dan gas; kenderaan bermotor, treler dan semi treler; pengangkutan dan aktiviti sokongan untuk pengangkutan; kapal, bot, basikal dan "invalid carriages"; perkakasan pengagihan & pengawalan elektrik, bateri dan akumulator; perkhidmatan berkaitan pengangkutan air dan udara; pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan; tayar dan tiub getah; kelengkapan pengangkutan lain; dan motosikal serta pengangkutan darat, air dan udara.

Cabaran kepada Mobiliti Hijau

Kadar peralihan daripada kenderaan ICE kepada EV di Malaysia masih belum mencapai tahap yang disasarkan berikutan persepsi orang ramai serta isu infrastruktur termasuk stesen pengecasan dan rangkaian pengangkutan awam yang terhad. Selain itu, terdapat isu yang berkaitan dengan kemampuan dan kebolehcapaian seperti kos yang tinggi, peluasan infrastruktur pengecasan yang perlahan dan nilai jualan semula yang rendah (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, 2022). Pada masa ini, kesemua EV dalam pasaran adalah diimport seterusnya menyebabkan harga jualan menjadi lebih tinggi berbanding kenderaan ICE konvensional dan kurang mampu dimiliki orang ramai.

Selain itu, ketersediaan dan penggunaan bahan api alternatif yang terhad seperti bahan api sintetik dan biojisim telah menyebabkan sektor pengangkutan terus bergantung kepada bahan api fosil. Usaha terkini telah diambil untuk menghasilkan bahan api mampan dengan menggabungkan bahan api fosil dan etanol yang diperolehi daripada sumber boleh baharu seperti biojisim yang dijana daripada kelapa sawit, produk sampingan pertanian, kayu dan sisa domestik. Walau bagaimanapun, pembangunan bahan api mampan masih pada peringkat awal dan pengeluaran yang terhad dalam pasaran telah menyebabkan bahan api ini menjadi lebih mahal. Sebagai contoh, penggunaan awal bahan api penerbangan mampan mungkin akan menyebabkan peningkatan kos operasi syarikat penerbangan dan mengakibatkan pemindahan kos kepada pengguna.

Usaha Semasa dan Hala Tuju

Malaysia mempunyai kelebihan daya saing untuk muncul sebagai hab pembuatan automotif serantau bagi kenderaan generasi seterusnya termasuk EV dan kenderaan cekap tenaga seperti digariskan dalam Dasar Automotif Negara 2020. Sebagai pengeksport semikonduktor keenam terbesar dalam rangkaian bekalan E&E global, ekosistem semikonduktor tempatan boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan rangkaian nilai daripada segmen *back-end* khususnya aktiviti pemasangan, pembungkusan dan pengujian kepada segmen *front-end* dengan nilai tambah yang lebih tinggi seperti aktiviti pembuatan pintar, pembungkusan termaju dan reka bentuk litar bersepadu. Di samping itu, mobiliti hijau akan melonjakkan industri seperti bateri dan aktiviti motor elektrik. Tambahan pula, penggunaan bahan mentah tempatan untuk pengeluaran dan pembangunan keupayaan kitar semula bateri EV mempunyai potensi besar untuk meningkatkan lagi rangkaian nilai dalam sektor pembuatan.

Peningkatan permintaan bagi mobiliti hijau akan merangsang pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pembinaan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan akan mendapat manfaat daripada elektrifikasi flit kenderaan yang mengurangkan kos operasi dan memacu kecekapan syarikat logistik serta menyumbang kepada pelepasan karbon yang lebih rendah. Sementara itu, subsektor utiliti akan mendapat manfaat daripada sumber TBB yang bersepadu untuk menjana kuasa stesen pengecasan EV dan menyokong peralihan grid tenaga yang lebih bersih. Ketersediaan infrastruktur pengecasan penting untuk menampung pengguna EV yang semakin meningkat terutamanya di kawasan bandar. Integrasi infrastruktur EV dalam perancangan dan pembangunan bandar masa hadapan juga akan menyokong inisiatif bandar hijau khususnya bangunan cekap tenaga dan bandar pintar seterusnya meningkatkan nilai dan daya tarikan harta tanah.

Di bawah Dasar Tenaga Negara, 2022 – 2040, grid nasional sedang dinaik taraf untuk menampung permintaan yang semakin meningkat daripada pengguna isi rumah, komersial dan industri di samping memudahkan pelaksanaan rangkaian grid pintar. Kerajaan telah menetapkan komitmen

melalui NETR untuk meningkatkan pelaburan dalam TBB dengan menumpukan kepada tenaga hidro, solar dan bio bagi meningkatkan kapasiti terpasang negara. Di samping itu, pembangunan penyelesaian storan bateri berskala besar untuk mengurus bekalan tenaga daripada sumber boleh diperbaharui akan menyumbang kepada daya tahan tenaga yang lebih besar. Inisiatif tersebut dijangka meningkatkan pengeluaran ketara dalam segmen tenaga seterusnya menyokong keperluan infrastruktur mobiliti hijau.

Hidrogen hijau ialah sumber baru muncul yang sedang diterokai sebagai potensi bahan api masa hadapan. Pembangunan sumber ini masih dalam fasa pemerhatian melalui usaha sama antara pemain industri yang tertumpu untuk memanfaatkan kelebihan kuasa hidro bagi menghasilkan hidrogen hijau. Usaha juga sedang dijalankan untuk membangunkan rangka kerja kawal selia yang komprehensif bagi menyokong dan menggalakkan pertumbuhan di sepanjang rantai nilai tenaga hidrogen.

Keperluan mematuhi piawaian ekonomi bahan api ASEAN telah mempercepat pembangunan bahan api mampan. Usaha meningkatkan pengeluaran bahan api mampan tempatan akan memanfaatkan limpahan sumber TBB negara bagi memenuhi permintaan domestik dan antarabangsa yang semakin meningkat. Dalam hal ini, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menerajui pengeluaran bahan api mampan berikutan ketersediaan biojisim yang tinggi daripada tandan buah kosong dan bahan buangan kilang kelapa sawit. Bahan api mampan juga akan menyumbang kepada usaha nyahkarbon sektor penerbangan dan marin seterusnya memastikan pematuhan kepada keperluan dan piawaian antarabangsa. Sehubungan itu, penskalaan pantas jumlah pengeluaran perindustrian penting bagi mengurangkan kos pengeluaran bahan api mampan, menggalakkan nyahkarbon industri logistik dan mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil.

Penggubalan dasar yang jelas dan penyediaan sokongan yang diperlukan kekal penting dalam mempercepat penggunaan mobiliti hijau. Usaha bersepadu perlu dipergiat termasuk menarik pelaburan daripada pembuat kereta terkemuka untuk menubuhkan fasiliti pengeluaran di Malaysia. Kerajaan juga akan secara aktif menggalakkan kerjasama antarabangsa, memupuk usaha sama strategik dan menggalakkan perkongsian untuk pemindahan teknologi bagi memacu inovasi sekaligus meletakkan Malaysia sebagai pemain utama dalam teknologi hijau untuk industri pengangkutan. Justeru, usaha tersebut dapat merangsang pertumbuhan industri dan membantu mencapai sasaran pelepasan karbon negara seperti digariskan dalam dokumen dasar strategik.

Kesimpulan

Mobiliti hijau memberikan manfaat ekonomi dan alam sekitar dalam memacu negara ke arah masa hadapan yang mampan disokong oleh inisiatif strategik dan visi di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Bidang ini juga mewujudkan kesan pengganda yang besar merentas pelbagai sektor ekonomi dan menggalakkan bidang pertumbuhan hijau baharu termasuk EV, hidrogen dan bahan api mampan. Selain itu, infrastruktur mobiliti hijau yang disepadukan dalam perancangan bandar boleh melonjakkan nilai harta tanah masa hadapan serta menarik pelaburan dalam inisiatif bandar rendah karbon. Justeru, usaha menggalakkan penggunaan mobiliti hijau akan mentransformasi ekonomi, meningkatkan daya saing dan memastikan negara mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Subsektor kewangan dan insurans diunjur berkembang sebanyak 4.7% dengan pertumbuhan positif dalam semua segmen seiring dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan pelaburan. Peluasan keterangkuman kewangan melalui penerimgunaan perkhidmatan kewangan digital dijangka meningkatkan permintaan untuk kemudahan kredit dengan ketara seterusnya mengukuhkan segmen perbankan. Sementara itu, segmen insurans dijangka didorong oleh peningkatan permintaan untuk produk insurans dan takaful berikutan kesedaran yang lebih baik tentang perlindungan kewangan, peningkatan dalam pendapatan premium dan pelaksanaan pilihan pembayaran bersama.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka meningkat sebanyak 6.3% didorong oleh permintaan berterusan untuk perkhidmatan profesional terutamanya perkhidmatan berkaitan kejuruteraan dalam aktiviti pembinaan termasuk kemudahan pusat data baharu. Di samping itu, pengembangan subsektor ini akan disokong oleh peningkatan jualan rumah kediaman dalam segmen hartanah. Subsektor maklumat dan komunikasi diunjur berkembang sebanyak 2.6% terutamanya disumbangkan oleh penyediaan rangkaian generasi kelima (5G) yang akan meningkatkan liputan dan kualiti rangkaian. Tambahan pula, peningkatan pelaburan dalam infrastruktur digital termasuk pusat data penting bagi memacu pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan diunjur berkembang sebanyak 6.2% dengan jangkaan peningkatan ketibaan pelancong untuk tujuan perniagaan dan percutian serta aktiviti mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE). Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 dan penganjuran pelbagai acara MICE di seluruh negara pada skala antarabangsa dan serantau akan memberikan manfaat kepada industri pelancongan. Kempen melawat negeri Kedah, Perlis dan Selangor serta promosi intensif bagi Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM 2026) turut dijangka menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor utiliti dijangka meningkat sebanyak 5.9% disokong oleh permintaan kukuh untuk bekalan elektrik dan air dalam segmen perindustrian, komersial dan kediaman. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada infrastruktur pengecasan EV dan pengoperasian pusat data serta pembangunan dan pengembangan taman perindustrian baharu dan sedia ada.

Subsektor perkhidmatan lain diunjur meningkat sebanyak 5.4% didorong oleh segmen kesihatan dan pendidikan swasta. Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) akan terlibat dalam merencanakan semula industri pelancongan penjagaan kesihatan bagi mewujudkan pangkalan pasaran yang lebih besar terutamanya dalam pasaran tumpuan seperti China, India dan Indonesia. Pada 2025, MHTC menganggarkan hasil industri sebanyak RM2.9 bilion disokong oleh kempen yang lebih bersasar dan bersegi. Sementara itu, pejabat Education Malaysia, Education Malaysia Global Services dan universiti tempatan akan terus menggalakkan kemasukan pelajar dari luar negara melalui promosi yang berterusan terutamanya program mobiliti dan *edutourism*. Usaha ini termasuk memudahkan pengeluaran pas lawatan sosial (pas siswazah) untuk pelajar antarabangsa yang menamatkan pengajian dari universiti tempatan. Selain itu, subsektor perkhidmatan kerajaan diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 6.7% pada 2025 berikutan peningkatan perbelanjaan untuk gaji dan upah sejajar dengan pelarasan gaji penjawat awam mulai Disember 2024.

Sektor Pembuatan

Kedudukan lebih kukuh merentas industri

Sektor **pembuatan** diunjur kekal kukuh sebanyak 4.5% pada 2025 dalam keadaan pertumbuhan ekonomi global yang stabil terutamanya didorong oleh pelaksanaan dasar utama seperti NIMP 2030 dan Strategi Semikonduktor Nasional (NSS). Pertumbuhan industri berorientasikan domestik dan eksport dijangka terus menyokong prestasi sektor ini sejajar dengan permintaan domestik yang

berdaya tahan dan persekitaran luar yang memberangsangkan. Pada peringkat domestik, pengeluaran bagi industri berkaitan isi rumah dan barangan pengguna seperti makanan, minuman dan tekstil dijangka berkembang pada kadar stabil. Pelbagai langkah sokongan dasar seperti pelarasan gaji penjawat awam dan pengeluaran Akaun Fleksibel KWSP juga akan mendorong perbelanjaan pengguna. Di samping itu, ketibaan pelancong yang menggalakkan bersempena dengan acara antarabangsa utama akan turut memacu permintaan untuk barangan pengguna. Tambahan pula, peningkatan jumlah pelaburan yang diluluskan dan direalisasikan mencerminkan prospek yang lebih baik untuk aktiviti pembinaan sekali gus memacu pertumbuhan bagi pembuatan bahan berkaitan pembinaan.

Industri berorientasikan eksport juga dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhan sejajar dengan permintaan global yang lebih tinggi bagi komponen elektronik. Pertumbuhan bagi subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal dijangka semakin pesat dipacu oleh permintaan berterusan untuk produk perantaraan termasuk cip termaju dalam penggunaan telefon pintar generasi hadapan dan peranti pengguna lain. Peningkatan pelaburan yang diluluskan dalam industri semikonduktor serta usaha bersepadu Kerajaan untuk meningkatkan keseluruhan ekosistem berteknologi tinggi di bawah NSS juga akan mendorong pertumbuhan subsektor ini.

Sektor Pertanian

Prospek pertumbuhan kekal menggalakkan

Prestasi sektor **pertanian** dijangka kekal stabil pada 2025 dengan pertumbuhan sebanyak 1.9% disokong oleh semua subsektor kecuali perhutanan dan pembalakan. Subsektor kelapa sawit dijangka berkembang secara marginal didorong oleh peningkatan pengeluaran dan hasil BTS berikutan kawasan penuaian kelapa sawit yang lebih besar, keadaan cuaca yang menggalakkan dan pasaran buruh yang stabil. Harga MSM diunjur stabil dalam lingkungan

RM3,500 hingga RM4,000 setan metrik seiring dengan pengeluaran global yang lebih baik. Selain itu, pengeluaran minyak kacang soya global yang lebih tinggi dan permintaan MSM yang stabil daripada negara pengimport utama dijangka menyumbang kepada kestabilan harga. Subsektor getah dianggar berkembang disokong oleh peningkatan pengeluaran getah asli terutamanya daripada segmen pekebun kecil yang kekal menjadi penyumbang utama kepada jumlah pengeluaran getah. Faktor lain yang memangkin pertumbuhan subsektor ini termasuk harga getah yang stabil, sokongan proaktif Kerajaan dan peluasan kawasan getah matang. Faktor tersebut dijangka meningkatkan pengeluaran dan keuntungan bagi pengeluar getah terutamanya pekebun kecil.

Selain itu, usaha untuk mengukuhkan rantai bekalan makanan dan meningkatkan daya tahan industri agromakanan dijangka merencanakan lagi prestasi subsektor pertanian lain, ternakan dan perikanan. Usaha tersebut termasuk menggiatkan aktiviti R&D, pengkomersialan dan inovasi serta melaksanakan pelbagai langkah untuk menguruskan kehilangan hasil lepas tuai. Peningkatan perbelanjaan domestik dan ketibaan pelancong juga akan menggalakkan pertumbuhan subsektor tersebut bagi memenuhi permintaan barangan makanan yang semakin meningkat. Tambahan pula, Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 yang bertujuan membangunkan industri agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi dijangka terus menyokong pertumbuhan subsektor tersebut.

Sektor Perlombongan

Prospek dijangka kurang memberangsangkan

Sektor **perlombongan** diunjur menguncup sebanyak 1% pada 2025 susulan prestasi lembap dalam subsektor utama. Subsektor gas asli dijangka merosot berikutan pengeluaran yang lebih rendah terutamanya disebabkan oleh penutupan yang dirancang bagi dua fasiliti di Sarawak untuk tujuan

penyelenggaraan serta permintaan yang menyederhana daripada negara pengimport utama seperti Jepun, China dan Republik Korea. Keseluruhan output gas asli dijangka berada di bawah kapasiti pengeluaran 2024 meskipun beberapa loji baharu dijadual memulakan operasi seperti medan Bindu di Terengganu, Gumusut-Kakap-Geronggong-Jagus Timur di Sabah dan pembangunan medan FaS di Sarawak. Subsektor minyak mentah dan kondensat juga dijangka menguncup berikutan pengeluaran yang lebih rendah di Semenanjung Malaysia berikutan penyelenggaraan berjadual pada separuh kedua 2025. Dari segi harga, minyak mentah Brent dijangka berada pada purata USD75 hingga USD80 setong pada 2025.

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan kekal berdaya tahan

Sektor **pembinaan** diunjur merekodkan pertumbuhan sebanyak 9.4% pada 2025 khususnya didorong oleh penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur strategik. Sektor ini dijangka mendapat manfaat terutamanya daripada aktiviti kejuruteraan awam seperti LRT3 Fasa 2 dan Projek Sarawak-Sabah Link Road Fasa 2. Subsektor bangunan bukan kediaman diunjur terus berkembang disokong oleh permintaan tinggi bagi kemudahan perindustrian hasil daripada realisasi pelaburan yang diluluskan di samping pembangunan kawasan perindustrian baharu seperti Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian (KIGIP) dan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ). Selain itu, subsektor bangunan kediaman juga dijangka meningkat disokong oleh permintaan berterusan untuk perumahan mampu milik di bawah kerangka Ekonomi MADANI serta pembangunan projek baharu oleh sektor swasta.

Permintaan Domestik

Sektor swasta kekal memacu pertumbuhan

Permintaan domestik dijangka berkembang sebanyak 6.1% pada 2025 disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang meningkat

pada 6.6%. Sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan KDNK kekal tinggi sebanyak 5.1 mata peratusan sejajar dengan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang kukuh. Sementara itu, perbelanjaan awam dijangka berkembang sebanyak 4.1% dan menyumbang 0.7 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.

Penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 5.9% terutamanya disumbangkan oleh peningkatan dalam pendapatan boleh guna. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang mampan, keadaan pasaran buruh yang memberangsangkan dan pelaksanaan SSPA. Faktor penyumbang lain termasuk program bantuan tunai bersasar yang berterusan akan memberi sokongan tambahan kepada perbelanjaan isi rumah pada 2025.

Pelaburan swasta dijangka terus berkembang sebanyak 8.9% disokong oleh kemajuan projek berbilang tahun baharu dan sedia ada terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berikutan usaha Kerajaan untuk mengukuhkan ekosistem pelaburan. Pelaburan swasta diunjur kekal teguh sejajar dengan jumlah pelaburan diluluskan tertinggi dalam sejarah pada 2023 melalui pelaksanaan projek terutamanya berkaitan semikonduktor dan pusat data seperti di Bayan Lepas, Pulau Pinang; Kulim, Kedah; dan Sedenak, Johor. Inisiatif Kerajaan seperti GEAR-uP dijangka menggalakkan pelaburan domestik oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang melabur dalam industri pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) dan seterusnya membuka peluang kepada industri untuk berkembang dan meningkatkan perbelanjaan modal syarikat. Tambahan pula, penubuhan JS-SEZ akan memacu aktiviti pelaburan dalam pelbagai industri di selatan Johor khususnya perkhidmatan kewangan, ekonomi digital dan logistik. Inisiatif ini akan meningkatkan lagi pelaburan swasta di samping pelaksanaan aktiviti pelaburan lain di bawah dasar utama negara.

SISIPAN 2.3

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura: Memperkukuh Kerjasama Dua Hala ke Arah Meningkatkan Potensi Pertumbuhan

Pengenalan

Usaha bagi mewujudkan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) bermula secara rasmi melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada Januari 2024. Pembangunan JS-SEZ ini bertujuan meningkatkan kerjasama dan kemakmuran ekonomi, memudahkan pergerakan orang ramai dan barangan serta memperkukuh keseluruhan ekosistem perniagaan antara Malaysia dengan Singapura. Pembangunan JS-SEZ bermatlamat untuk menjadi zon ekonomi yang dinamik, berdaya saing dan diterajui oleh sektor swasta yang mampu meningkatkan potensi ekonomi kedua-dua negara sebagai hab global di sepanjang laluan yang merupakan antara laluan perkapalan tersibuk di dunia. Zon Ekonomi Khas (SEZ) ini diilhamkan daripada inisiatif serupa di negara lain seperti Shenzen SEZ dan Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai.

Memanfaatkan Kekuatan dan Persamaan Sedia Ada


Inisiatif JS-SEZ mencerminkan usahasama penting dalam kerjasama ekonomi sedia ada antara Malaysia dengan Singapura. Inisiatif ini memanfaatkan kekuatan unik dan persamaan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan yang memberikan manfaat kepada kedua-dua negara. Rajah 2.3.1. menggambarkan aktiviti ekonomi utama yang melibatkan kedua-dua negara yang akan terus menyokong pembangunan JS-SEZ sebagai koridor ekonomi terkemuka di rantau ini.

RAJAH 2.3.1. Aktiviti Ekonomi Utama antara Malaysia dengan Singapura



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

RAJAH 2.3.2 Lokasi Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Penubuhan JS-SEZ akan memanfaatkan kelebihan jarak yang strategik antara Johor dengan Singapura. Kerajaan Negeri Johor telah memuktamadkan lokasi JS-SEZ di Iskandar Malaysia¹ dan Pengerang yang melibatkan enam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti dalam Rajah 2.3.2. Kawasan yang terlibat dianggar berkeluasan 3,505.3 km² di selatan Johor atau sekitar lima kali ganda lebih besar daripada Singapura. Keutamaan pembangunan JS-SEZ di kawasan tersebut akan ditentukan oleh beberapa faktor termasuk ketersediaan tanah dan infrastruktur.

RAJAH 2.3.3. *Pelan Pembangunan Negeri Johor, Malaysia dan Singapura*

Johor	Malaysia	Singapura
Maju Johor 2030	EKONOMI MADANI Kerangka Ekonomi MADANI	Singapore Economy 2030 Singapore Economy 2030
Belanjawan Johor 2024	Rancangan Malaysia Lima Tahun Belanjawan Tahunan	Singapore Budget 2024
Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030	Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030	Industry Transformation Maps Singapore Industry Transformation Maps
Johor Green Deal	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara	Singapore Green Plan
Zon Kewangan Khas Forest City	Strategi Semikonduktor Nasional	Singapore's National Hydrogen Strategy

Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

¹ Iskandar Malaysia merangkumi lima kawasan PBT iaitu MBIP, MBBJ, MBPG, MPKu dan MPPn.

Cadangan JS-SEZ sejajar dengan matlamat yang digariskan dalam pelan pembangunan peringkat negeri Johor, Malaysia dan Singapura seperti dalam Rajah 2.3.3. Pelan pembangunan tersebut mempunyai matlamat yang sama termasuk menggalakkan pelaburan ekonomi bernilai tinggi, memberikan tumpuan kepada pembangunan inklusif dan meningkatkan pertumbuhan mampan. Justeru, JS-SEZ akan meningkatkan perdagangan dan perhubungan antara Malaysia dengan Singapura, menggalakkan pemindahan teknologi dan merangsang pertumbuhan dalam pelbagai industri. Antara industri tumpuan JS-SEZ adalah logistik, perkhidmatan kewangan dan perniagaan, pelancongan, keterjaminan makanan, pendidikan, penjagaan kesihatan, ekonomi digital, tenaga serta pembuatan.

Zon Kewangan Khas Forest City

Pada 25 Ogos 2023, Forest City di Iskandar Puteri telah diumumkan sebagai Zon Kewangan Khas (SFZ) untuk meningkatkan pelaburan asing dan seterusnya menyokong pembangunan JS-SEZ khususnya dalam sektor kewangan. Forest City SFZ (Forest City) dijangka dapat menarik pelaburan syarikat global dengan menawarkan pelbagai insentif percukaian termasuk pengecualian dan penetapan kadar khas cukai korporat bagi syarikat; penetapan kadar khas cukai pendapatan pekerja mahir; serta pengecualian dan pengurangan duti setem bagi urusan pindah milik harta tanah. Penubuhan pusat perniagaan sehenti di JS-SEZ dijangka dapat mempercepat proses kelulusan permohonan syarikat global untuk melabur di Forest City. Peningkatan pelaburan di Forest City akan mewujudkan peluang pekerjaan baharu untuk rakyat, merancakkan perniagaan dan meningkatkan pertumbuhan negeri dan negara. Selain itu, pada Julai 2024, Parlimen telah meluluskan pindaan lima Rang Undang-undang untuk menjadikan Pulau Satu sebagai Pulau Bebas Cukai yang akan menggalakkan aktiviti ekonomi di Iskandar Malaysia termasuk aktiviti kewangan, pelancongan dan peruncitan seterusnya memanfaatkan kedua-dua negara.

Melangkah Ke Hadapan

Berdasarkan kekuatan dan persamaan kedua-dua negara, JS-SEZ dijangka dapat memberikan manfaat bersama seperti dalam Rajah 2.3.4.

RAJAH 2.3.4. Manfaat Bersama JS-SEZ



Sumber: Kementerian Ekonomi Malaysia

Kesimpulan

Secara keseluruhan, JS-SEZ akan menjadi pemangkin untuk memperkukuh kerjasama ekonomi dua hala demi meningkatkan lagi potensi pertumbuhan Malaysia dan Singapura.

Penggunaan awam diunjur meningkat sebanyak 3.8% terutamanya didorong oleh peningkatan perbelanjaan emolumen berikutan pelaksanaan SSPA. Sementara itu, **pelaburan awam** dijangka berkembang sebanyak 4.9% pada 2025 terutamanya disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh SABK dengan sumbangan sekitar 70% daripada jumlah pelaburan awam. Perkembangan utama dalam industri berkaitan utiliti dan pengangkutan termasuk projek peralihan tenaga bagi menampung peningkatan permintaan elektrik serta usaha menaik taraf infrastruktur kereta api dan sistem pengangkutan dijangka akan terus memacu aktiviti pelaburan. Di samping itu, pelaburan awam dijangka meningkat berikutan penyegeraan pelaksanaan projek utama pada akhir tempoh RMKe-12. Tambahan pula,

pelaburan oleh GLIC melalui inisiatif GEAR-uP akan memangkin sektor utama ekonomi negara di bawah kerangka Ekonomi MADANI dalam sektor strategik seperti tenaga, infrastruktur, penjagaan kesihatan, pendidikan dan teknologi.

Pertumbuhan PNK pada harga semasa dijangka mencatat 6.7% pada 2025 sejajar dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi domestik. Sementara itu, TNK diunjur merekodkan 24% daripada PNK dan jumlah pelaburan sebanyak 21.6% daripada PNK.

Jurang tabungan-pelaburan dijangka kekal mencatat lebihan pada RM49.1 bilion atau 2.4% daripada PNK yang membolehkan negara membiayai pelaburan terutamanya daripada sumber domestik.

RENCANA 2.4







Memperkasakan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Malaysia: Membuka Peluang Pelaburan untuk Memacu Pertumbuhan dan Pembangunan Sosial

Pengenalan

Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) terdiri daripada dana persaraan, dana simpanan dan dana kekayaan berdaulat iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Lembaga Tabung Haji (TH), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah). Setiap entiti berfungsi di bawah mandat khusus dengan tumpuan kepada pelaburan yang menghasilkan pulangan mampan diselaraskan mengikut risiko sejajar dengan objektif dana tertentu dan peranan pembangunan sosioekonomi seperti dalam Rajah 2.4.1. Sejak penubuhannya, GLIC memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan ekonomi negara di samping membantu dalam meningkatkan kedudukan kewangan dan simpanan rakyat Malaysia.

Sejak beberapa dekad yang lepas, GLIC secara kolektif telah menyumbang kepada transformasi Malaysia daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada negara perindustrian dan kepelbagaian ekonomi selaras dengan pelan pembangunan jangka masa panjang negara. Selain itu, pelaburan strategik oleh GLIC ini telah mempercepat inisiatif penswastan dan merangsang pertumbuhan dalam sektor strategik seperti tenaga, infrastruktur, penjagaan kesihatan, pendidikan dan teknologi. Dalam hal ini, perkembangan GLIC mencerminkan pendekatan dinamik Malaysia dalam pengurusan ekonomi, daya tahan dan kemajuan yang berterusan bagi menghadapi cabaran global.

RAJAH 2.4.1. Perspektif GLIC Berkaitan Pelaburan

Entiti	 KWSP	 KWAP	 LTAT	 TH	 PNB	 KHAZANAH
Tahun Penubuhan	1951	2007	1972	1963	1978	1993
Mandat	<ul style="list-style-type: none"> Membantu tenaga kerja Malaysia menabung untuk persaraan mereka selaras dengan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 Menyokong pembangunan ekonomi Malaysia melalui pelaburan dalam pelbagai sektor 	<ul style="list-style-type: none"> Mengurus dana kerajaan dengan objektif mencapai pulangan mampan maksimum Menyelia operasi berkaitan persaraan perkhidmatan awam Mengurus & melabur dalam pelbagai instrumen pasaran 	<ul style="list-style-type: none"> Mengurus & melabur dana untuk pertumbuhan & jaminan kewangan bagi manfaat anggota Angkatan Tentera Malaysia Meningkatkan kebajikan & kesejahteraan kewangan anggota Angkatan Tentera Malaysia & keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> Mengurus & melabur dana pendeposit dalam pelaburan patuh Syariah untuk pulangan yang mampan Memudahkan ibadah haji rakyat Malaysia melalui bantuan bersubsidi & sokongan logistik 	<ul style="list-style-type: none"> Menawarkan produk kewangan yang pelbagai bagi memenuhi permintaan pelanggan & pelabur Meningkatkan simpanan Bumiputera & rakyat Malaysia melalui pengagihan pendapatan yang kompetitif serta pelaburan dalam pelbagai aset & sektor utama Meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera melalui peluang pelaburan bersasar 	<ul style="list-style-type: none"> Menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara melalui pelaburan strategik sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia Meningkatkan kekayaan jangka panjang Malaysia dengan mengimbangi pulangan kewangan melalui strategi pelaburan yang bertanggungjawab
Jumlah Aset atau AUM ¹ (RM bilion)	1,219	184	11	95	339	148

¹Sehingga akhir Jun 2024
 Sumber: Laporan tahunan dan data daripada syarikat pelaburan berkaitan kerajaan

Evolusi Pertumbuhan Sepanjang Dekad

Evolusi GLIC di Malaysia boleh diimbaskan kembali sejak 1980-an yang menandakan era penting penstrukturan semula ekonomi oleh Kerajaan. Sepanjang tempoh ini, Malaysia melaksanakan strategi penswastan bertujuan mentransformasikan agensi kerajaan kepada syarikat yang dipacu secara komersial dengan objektif utama untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Strategi ini menjadi asas bagi fasa penswastan seterusnya yang masih diberi keutamaan pada 1990-an. Usaha ini telah mengurangkan beban fiskal, menambah baik penyampaian perkhidmatan dan memupuk persekitaran perniagaan yang kompetitif.

Sejak 2000-an, pelan transformasi yang lebih proaktif telah dilaksanakan oleh GLIC dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) melalui pengenalan Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT) pada 2005. Program selama 10 tahun ini menetapkan sasaran tinggi dalam penyusunan semula GLIC dan GLC sebagai entiti berprestasi tinggi seterusnya memangkin pembangunan sosial dan ekonomi negara. Menerusi inisiatif ini, GLIC dan GLC terpilih telah melalui penstrukturan semula yang komprehensif dalam menambah baik tadbir urus, prestasi dan akauntabiliti yang menyumbang kepada peningkatan daya saing serta prestasi kewangan entiti tersebut.

Sebagai kesinambungan program terdahulu, Kerajaan telah melancarkan Program Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) pada 2021. Program ini bertujuan memperkukuh peranan GLIC dalam pembangunan negara melalui penambahbaikan tadbir urus, akauntabiliti dan impak strategik entiti tersebut. Program PERKUKUH memastikan GLIC memainkan peranan yang lebih efektif selaras dengan keutamaan sosioekonomi Malaysia dalam menyokong aspirasi negara untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan inklusif.

Pertumbuhan dipacu GLIC telah terbukti berkesan di seluruh dunia yang menyumbang kepada keperluan setiap negara. Sebagai contoh, Public Investment Fund (PIF) Arab Saudi telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan aspirasi Visi 2030 dengan mempelbagaikan sektor ekonomi daripada kebergantungan terhadap pendapatan berkaitan minyak. Di samping itu, Government Pension Fund Global milik Norway berperanan menguruskan hasil minyak dan gas negara yang besar seterusnya menyumbang kepada ekonomi Norway melalui pelaburan global bagi memastikan kestabilan kewangan jangka masa panjang serta menyokong inisiatif kebajikan domestik. Pada peringkat serantau, Temasek Holdings milik Singapura memacu ekonomi melalui pelaburan strategik dalam pelbagai sektor termasuk teknologi, perkhidmatan kewangan dan penjagaan kesihatan. Pada masa yang sama, GLIC di Malaysia juga berkebolehan untuk menyusun semula portfolio ke arah sektor dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (HGHV) seperti peralihan tenaga dan pembuatan termaju sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi yang berterusan. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan (MoF) mengambil inisiatif untuk melaksanakan Program Pengaktifan dan Reformasi Badan Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) bagi memperkukuh peranan GLIC sebagai pemangkin utama pertumbuhan mampan dan inklusif.

Objektif GEAR-uP

Kerangka Ekonomi MADANI telah menetapkan matlamat penting yang memerlukan penyelarasan merentasi pelbagai sektor termasuk GLIC dan GLC yang menekankan kepada kepentingan pelaburan strategik, inovasi dan rangkuman sosial sebagai tonggak kemajuan negara. Melalui GEAR-uP, peranan GLIC akan diperkukuh dalam memacu pelaburan berimpak tinggi, memupuk inovasi dan meningkatkan tadbir urus. Program GEAR-uP direka untuk memastikan supaya GLIC bukan sahaja terus menjana pulangan kewangan tetapi juga mengukuhkan sumbangan kepada pembangunan ekonomi dan sosial jangka masa panjang Malaysia. Empat objektif utama GEAR-uP adalah seperti berikut:

- (a) Memangkin keutamaan ekonomi di bawah kerangka Ekonomi MADANI;
- (b) Meningkatkan prestasi GLIC dan GLC;
- (c) Menggerakkan dan menyelaras usaha untuk menyokong peningkatan mobiliti sosial, kesaksamaan peluang dan meningkatkan kualiti hidup pekerja serta komuniti di sekeliling mereka; dan
- (d) Menginstitusikan pembaharuan untuk menjelaskan prinsip pemilikan Kerajaan dan meningkatkan tadbir urus.

Sebagai panduan, GEAR-uP akan menyelaraskan dan menggerakkan GLIC dan GLC dalam menyokong pelaksanaan dasar, keutamaan dan rancangan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Program GEAR-uP melibatkan enam GLIC dan GLC di bawahnya serta syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD) secara berfasa. Pada masa yang sama, syarikat pengendali berkeutamaan tinggi akan disenarai pendek bagi memacu peningkatan prestasi yang mampan.

Malaysia merekodkan sumbangan pelaburan swasta berbanding KDNK yang kukuh sebelum ini. Walau bagaimanapun, sumbangan ini telah berkurang kepada purata 15.5% semasa tempoh pascapandemik COVID-19 (2021 - 2023) berbanding 17.1% semasa prapandemik (2017 - 2019) yang menunjukkan penurunan peranan pelaburan swasta dalam ekonomi. Trend ini mencerminkan

keperluan untuk mempergiat semula usaha ke arah meningkatkan penyertaan sektor swasta. Justeru, inisiatif GEAR-uP ini akan melibatkan kerjasama antara setiap GLIC dengan sektor swasta dalam memperkukuh pembangunan ekonomi.

Secara keseluruhan, GLIC Malaysia memiliki lebih daripada RM1.9 trilion aset di bawah pengurusan (AUM) iaitu hampir setara dengan nilai KDNK nominal negara dan lebih satu perempat daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia. Entiti GLIC dan semua GLC di bawah GLIC menyumbang hampir 10%¹ kepada KDNK, menyediakan sekitar 240,000² pekerjaan dan menyokong rangkaian vendor bagi sekurang-kurangnya 1,800 syarikat.

Bidang Fokus Utama GEAR-uP

Inisiatif GEAR-uP mempunyai tiga bidang fokus utama yang dibangunkan melalui tiga fasa. Bidang fokus pertama melibatkan penjajaran semula mandat GLIC dalam menyokong kerangka Ekonomi MADANI. Bidang fokus kedua tertumpu kepada memacu pelaburan, prestasi dan impak bagi memangkin usaha untuk 'Menaikkan Siling', bekerjasama dengan Kerajaan untuk 'Menaikkan Lantai' serta mentransformasi syarikat supaya lebih berdaya saing pada peringkat global. Bidang fokus terakhir dikhususkan untuk mempertingkatkan daya tahan tadbir urus terhadap cabaran masa hadapan dan menginstitusikan pembaharuan. Usaha tersebut melibatkan pentakrifan prinsip pemilikan Kerajaan dengan jelas, memperkukuh keupayaan pengawasan bagi pemantauan secara berkesan serta melaksanakan pembaharuan perundangan berkaitan.

Matlamat tersebut akan dicapai melalui pendekatan berperingkat dengan fasa pertama menumpukan kepada GLIC, fasa kedua melibatkan GLC terpilih dan fasa ketiga merangkumi syarikat MKD. Fasa pertama pada 2024 memberikan penekanan untuk membina momentum melalui penyelarasan semula mandat dan mengharmonikan sokongan GLIC terhadap kerangka Ekonomi MADANI. Fasa ini melibatkan penubuhan kerangka pemantauan prestasi dan pembangunan pelan pengawasan bagi GLC terpilih. Fasa kedua yang dijadualkan pada 2025 – 2026 akan diperluas kepada MKD bagi memberikan sokongan berterusan kepada usaha yang dilaksanakan oleh GLIC dan GLC serta menilai semula peranan syarikat MKD. Fasa ini juga akan melaksanakan program peningkatan prestasi syarikat MKD terpilih dan memperkenalkan prinsip pemilikan dan kerangka pengurusan. Fasa terakhir yang dijangka bermula pada 2026 akan memberikan tumpuan kepada peralihan untuk memperkukuh entiti terpilih bagi memastikan kemampuan jangka masa panjang dan pembaharuan berterusan melalui proses pemantauan dan program yang kukuh.

Program GEAR-uP telah menggariskan tujuh inisiatif 'Menaikkan Siling' dan 'Menaikkan Lantai' yang disokong oleh GLIC di bawah kerangka Ekonomi MADANI seperti dalam Rajah 2.4.2. Pada Ogos 2024, kesemua GLIC tersebut telah menyatakan komitmen kerjasama untuk menyelaraskan dan memperbaharui tumpuan pembangunan negara dengan menggembelng dana pelaburan berjumlah RM120 bilion dalam tempoh lima tahun. Selain itu, setiap GLIC telah bersetuju untuk menerajui sektor ekonomi tertentu bagi merealisasikan aspirasi Malaysia menjadi peneraju ekonomi Asia serta memberikan tumpuan kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan sosial pekerja serta komuniti setempat. Pelaburan tersebut memberikan tumpuan kepada industri HGHV termasuk industri peralihan tenaga dan pembuatan termaju terutamanya dalam bidang semikonduktor.

¹ Diperoleh dengan menambah hasil enam GLIC dan semua GLC di bawah GLIC dan dibahagikan dengan jumlah KDNK.

² Sehingga akhir Disember 2023.

RAJAH 2.4.2. Inisiatif GEAR-uP



Sumber: Laporan tahunan dan data daripada syarikat pelaburan berkaitan kerajaan

Entiti GLIC berada dalam kedudukan yang baik untuk memainkan peranan penting bagi menjayakan pelaksanaan GEAR-uP. Sejalan dengan itu, Khazanah telah memulakan strategi pelaburan yang lebih berani menerusi kerangka 'Negara yang Mencipta' untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Strategi ini memberikan tumpuan kepada transformasi firma untuk meningkatkan nilai, memacu peralihan tenaga serta mempercepat pendigitalan. Khazanah juga komited untuk membina kapasiti dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja seterusnya menerajui usaha bagi meningkatkan kesalinghubungan Malaysia melalui sektor penerbangan. Khazanah juga giat berusaha bagi memastikan daya tahan bidang semikonduktor, meningkatkan pertumbuhan syarikat peringkat pertengahan dan melabur dalam ekosistem modal teroka untuk menyokong GEAR-uP. Selain itu, pengambilalihan strategik Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan Penjana Kapital Sdn Bhd pada Julai 2024 adalah penting untuk mewujudkan 'National Fund-of-Funds' yang bertujuan untuk memperluas akses modal bagi syarikat pemula untuk memacu pertumbuhan ekonomi serta inovasi.

Pasaran domestik khususnya bidang ekuiti swasta, infrastruktur dan hartanah akan terus diperkasa melalui komitmen KWAP. Dana pemangkin yang merangkumi Dana Perintis dan Dana Pemacu di bawah KWAP bertujuan menyokong modal teroka serta firma yang masih pada peringkat pertumbuhan dengan memberikan tumpuan kepada lapan sektor utama termasuk keterjaminan makanan, ekonomi digital, peralihan tenaga dan sektor pembuatan termaju. Sementara itu, PNB akan memacu pelaburan dalam aktiviti bernilai tambah tinggi dan mampan untuk memodenkan industri serta syarikat domestik. Pelaburan ini termasuk memberikan tumpuan khusus untuk membangunkan taman perindustrian baharu, menyokong automasi, memajukan pertanian pintar dalam industri kelapa sawit serta memperoleh aset peralihan tenaga hijau. Selain itu, PNB terus komited untuk memperkasakan komuniti Bumiputera untuk melahirkan usahawan dan pemimpin korporat masa hadapan di samping meningkatkan literasi dan kestabilan kewangan dalam kalangan belia.

Bagi memastikan masyarakat menua menjalani kehidupan yang bermaruah dan makmur, KWSP komited melaksanakan pelaburan dalam penjagaan kesihatan yang mampan dan berdaya maju secara komersial dengan kerjasama Kerajaan. Di samping itu, KWSP akan terus meningkatkan perlindungan sosial dan pembaharuan persaraan bagi menjamin pendapatan rakyat. Dalam sektor kewangan Islam pula, TH bermatlamat untuk memperkukuh impak sosial yang mampan melalui instrumen kewangan Islam, pengagihan bantuan secara lebih teratur kepada golongan miskin dan meningkatkan sistem kewangan Islam melalui kerjasama strategik dengan institusi serta pemain utama industri kewangan Islam. Selain itu, LTAT menfokuskan usaha untuk meningkatkan penciptaan nilai farmaseutikal Malaysia dengan memperkukuh keupayaan pengeluaran biofarmaseutikal tempatan. Di samping itu, LTAT terus komited memelihara dan meningkatkan kesejahteraan sosial pesara tentera melalui sokongan ekosistem bagi melancarkan peralihan kepada kerjaya kedua.

Bagi 'Menaikkan Lantai', GLIC komited untuk menerajui sektor korporat dalam inisiatif meningkatkan kesejahteraan pekerja. Langkah awal adalah memastikan semua pekerja dalam organisasi dan ekosistem GLIC menerima gaji yang wajar sejajar dengan produktiviti. Selain itu, GLIC komited menyediakan peluang yang sama rata melalui kesaksamaan gender di tempat kerja. Di samping itu, kemahiran pekerja akan terus dipertingkatkan melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula khusus terutamanya dalam bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Pada masa yang sama, GLIC akan menyediakan intervensi sosioekonomi sebagai pelengkap kepada usaha Kerajaan dalam penyediaan infrastruktur asas melalui inisiatif tanggungjawab korporat seperti program Santuni MADANI.

Kesimpulan

Sejak penubuhannya, peranan GLIC dan GLC sebagai entiti milik Kerajaan telah diperluas kepada entiti yang turut menjadi peneraju pembangunan ekonomi Malaysia di samping meneroka pelaburan yang berdaya maju secara komersial. Perubahan ini mencerminkan komitmen teguh Kerajaan demi meningkatkan kecekapan, daya saing dan tadbir urus seterusnya menyumbang kepada daya tahan dan kemakmuran negara. Inisiatif GEAR-uP dapat menyokong pencapaian objektif kerangka Ekonomi MADANI dan memperkukuh daya tahan ekonomi negara melalui penyelarasan semula mandat, memacu pelaburan strategik serta menstrukturkan pembaharuan tadbir urus. Pembaharuan yang sama telah mendapat pengiktirafan global seperti Forum Ekonomi Dunia (2020) yang menekankan peranan penting dana kekayaan berdaulat dalam menggalakkan kesamarataan ekonomi pada era pascapandemik. Pengiktirafan sedemikian membuktikan bahawa usaha GEAR-uP ini adalah signifikan seterusnya memangkin hala tuju transformasi yang menjajarkan semula dan memperkukuh kemampuan ekonomi Malaysia.

Pendapatan

Pembaharuan institusi bagi meningkatkan pertumbuhan pendapatan

Jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada 2025 dapat menjana peluang pendapatan yang lebih baik kepada tenaga kerja. Pelaksanaan kadar baharu gaji minimum dan pelarasan gaji penjawat awam juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekerja. Selain itu, usaha berterusan untuk menstrukturkan semula ekonomi dengan menggalakkan penggunaan automasi dan teknologi termaju, meningkatkan produktiviti melalui latihan semula dan peningkatan kemahiran serta mengurangkan pergantungan kepada buruh asing berkemahiran rendah dapat memacu pertumbuhan pendapatan. Oleh itu, bahagian **PP** daripada KDNK diunjur meningkat kepada 33.5%. Walau bagaimanapun, pencapaian ini secara relatif masih rendah berbanding ekonomi maju dan masih jauh daripada sasaran PP sebanyak 40%. Justeru, usaha mempercepat pembaharuan pasaran buruh merangkumi institusi dan perundangan penting untuk menambah baik struktur gaji sekali gus memastikan pekerja memperoleh manfaat yang lebih saksama daripada prospek pendapatan dan kemajuan ekonomi. Selain itu, majikan juga perlu menyedari bahawa gaji yang lebih tinggi boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan perniagaan berikutan peningkatan produktiviti pekerja.

Komponen **LKK** diunjur berkembang sebanyak 6.2% dan menyumbang 63.2% daripada KDNK pada 2025 terutamanya disokong oleh aktiviti ekonomi domestik dan permintaan luar yang kukuh. Sementara itu, pendapatan campuran untuk golongan bekerja sendiri atau usahawan bebas dijangka meningkat sebanyak 8.4% dan menyumbang 15.8% kepada KDNK disokong oleh peningkatan permintaan untuk pekerjaan gig seterusnya menyediakan lebih banyak peluang pendapatan kepada kumpulan ini. Inisiatif untuk mewujudkan mekanisme yang lebih berstruktur bagi memperluas

perlindungan sosial kepada golongan bekerja sendiri termasuk pekerja dalam sektor tidak formal dapat meningkatkan penglibatan individu untuk bekerja sendiri sebagai sumber pendapatan yang lebih stabil.

Pendapatan daripada cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai ke atas pengeluaran dan import dijangka berkembang sebanyak 7.8% pada 2025 berikutan usaha berterusan untuk meningkatkan kutipan hasil dan melaksanakan asas cukai yang lebih luas. Sebaliknya, perbelanjaan untuk subsidi dan insentif dijangka berkurang sebanyak 3.4% selaras dengan usaha berterusan Kerajaan dalam melaksanakan lebih banyak program bantuan secara bersasar dan rasionalisasi subsidi bagi menambah baik pemasukan dan meminimumkan penyisihan. Oleh itu, pendapatan daripada **cukai bersih ke atas pengeluaran dan import** diunjur menyumbang 3.3% kepada KDNK pada 2025.

Sektor Luar Negeri

Sektor luar negeri kekal menggalakkan

Pada 2025, **eksport kasar** diunjur berkembang sebanyak 3.9% merentasi semua sektor disokong oleh prestasi perdagangan global yang bertambah baik serta peningkatan permintaan terhadap produk E&E yang dipacu oleh kitaran menaik teknologi global. Pertumbuhan ini juga didorong oleh kedudukan Malaysia sebagai antara penyumbang utama dalam rantai bekalan semikonduktor global serta eksport bagi produk bukan E&E yang lebih tinggi.

Eksport barangan pembuatan dijangka meningkat sebanyak 4% disokong oleh peningkatan permintaan bagi produk E&E dengan bahagian sebanyak 46.3% dan produk bukan E&E sebanyak 53.7%. Produk E&E diunjur berkembang sebanyak 4.4% didorong oleh permintaan stabil bagi semikonduktor selaras dengan jangkaan pertumbuhan pasaran semikonduktor global sebanyak 12.5%. Unjuran ini juga selari dengan aspirasi NSS

yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab antarabangsa bagi pembuatan dan inovasi semikonduktor khususnya reka bentuk cip. Sementara itu, eksport produk bukan E&E dijangka meningkat sebanyak 3.7% dipacu oleh permintaan lebih tinggi terutamanya bagi produk petroleum; produk pembuatan lain; kimia dan produk kimia; serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Eksport barangan pertanian diunjur berkembang sebanyak 3.3% didorong oleh permintaan yang stabil bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Selain itu, eksport barangan perlombongan dijangka menyederhana sebanyak 2.1% berikutan permintaan lebih perlahan bagi eksport LNG dan petroleum mentah daripada pasaran utama.

Import kasar diunjur meningkat sebanyak 4.1% pada 2025 disokong oleh pertumbuhan dalam semua komponen termasuk pemulihan dalam aktiviti eksport semula. Import barangan perantaraan dijangka berkembang sebanyak 3.6% terutamanya dalam bekalan perindustrian bagi aktiviti pembuatan. Di samping itu, import barangan modal dijangka meningkat sebanyak 3.8% selari dengan aktiviti pelaburan swasta yang dipacu oleh pembangunan pusat data. Import barangan penggunaan pula diunjur berkembang sebanyak 3.4% seiring dengan peningkatan permintaan isi rumah berikutan sentimen pengguna yang optimistik.

Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM49.1 bilion atau 2.4% daripada PNK pada 2025 didorong oleh penambahbaikan berterusan merentasi semua sektor ekonomi. Akaun barangan diunjur merekodkan lebihan yang tinggi sebanyak RM125.6 bilion berikutan prospek pertumbuhan yang lebih baik dalam kalangan rakan dagang utama. Selain itu, akaun perkhidmatan dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM16.8 bilion disumbangkan oleh terimaan yang lebih tinggi dalam akaun

pengangkutan, perjalanan dan perkhidmatan lain. Terimaan dalam akaun perjalanan diunjur berkembang kepada RM101.9 bilion disokong oleh aktiviti pelancongan yang rancak berikutan peningkatan ketibaan pelancong khususnya daripada Kepengeruisan ASEAN-Malaysia 2025 dan persediaan VM 2026. Walau bagaimanapun, bayaran dalam akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM65.2 bilion disebabkan oleh perbelanjaan residen di luar negara untuk aktiviti perjalanan perniagaan, pendidikan dan keagamaan.

Terimaan dalam akaun pengangkutan diunjur mencecah RM39.8 bilion dipacu oleh pendapatan lebih tinggi daripada perkhidmatan pengangkutan dan pengendalian kargo udara yang disediakan syarikat domestik. Walau bagaimanapun, kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing dijangka meningkatkan bayaran dalam akaun pengangkutan kepada RM71.4 bilion selaras dengan aktiviti perdagangan yang pesat. Sementara itu, akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih kecil iaitu sebanyak RM21.9 bilion didorong oleh pelaburan yang stabil dan pelaksanaan berterusan dalam projek strategik di luar negara yang akan meningkatkan lagi pendapatan.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM56.5 bilion disebabkan oleh peningkatan bayaran oleh pelabur asing termasuk penghantaran balik keuntungan sejajar dengan aktiviti pelaburan yang menggalakkan. Tambahan pula, pampasan pekerja untuk profesional asing dijangka meningkat berikutan kemajuan teknologi yang berkembang dan penerimgunaan revolusi perindustrian yang berterusan termasuk AI, pengkomputeran awan, pendigitalan dan automasi yang menyumbang kepada defisit yang lebih tinggi dalam akaun ini. Selain itu, akaun pendapatan sekunder dijangka merekodkan defisit yang lebih besar sebanyak RM3.1 bilion terutamanya disebabkan oleh peningkatan kiriman wang keluar oleh pekerja asing.

Harga

Dijangka kekal terkawal

Inflasi keseluruhan pada 2025 dijangka kekal terkawal berikutan pemulihan dalam bekalan global serta harga komoditi global yang menyederhana. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan dalam dasar domestik akan memberikan tekanan terhadap kenaikan inflasi. Sehubungan itu, inflasi keseluruhan diunjur mencatat antara 2% hingga 3.5%. Sementara itu, **IHPR** dijangka menyederhana berikutan aktiviti pengeluaran yang stabil.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh kekal berdaya tahan

Pasaran buruh diunjur kekal stabil pada 2025 seiring dengan jangkaan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik bagi ekonomi domestik dan perdagangan luar. Strategi untuk menangani isu struktural dalam pasaran buruh khususnya berkaitan gaji dan produktiviti dijangka akan meningkatkan kecekapan perniagaan dan permintaan buruh. Oleh itu, **kadar pengangguran** dijangka bertambah baik kepada 3.1% pada 2025. Jumlah **guna tenaga** diunjur berkembang sebanyak 2.1% kepada 16.6 juta orang dengan lebih daripada 80% peluang pekerjaan tertumpu dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Jumlah **pekerja asing** berkemahiran rendah dijangka kekal sekitar 2.5 juta orang untuk memenuhi keperluan aktiviti ekonomi khususnya dalam industri berintensif buruh. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memantau kelulusan baharu bagi penggajian pekerja asing berkemahiran rendah supaya selaras dengan had 15% yang dibenarkan daripada jumlah guna tenaga. Selain itu, pelaksanaan sistem levi pelbagai peringkat serta penerimgunaan automasi dan teknologi termaju juga dijangka dapat menyokong dasar mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Sementara itu, pengambilan **ekspatriat** dijangka meningkat secara marginal bagi memenuhi permintaan

bakat mahir dalam pekerjaan kritikal. Kerajaan juga akan memudah cara proses kemasukan bakat mahir dengan memperkenalkan laluan hijau bagi permohonan Pas Penggajian kategori tertinggi untuk menyokong pertumbuhan industri strategik seperti dinyatakan dalam NIMP 2030.

Produktiviti buruh diunjur meningkat sebanyak 2.7% kepada RM101,700 pada 2025 dipacu oleh penerimgunaan teknologi termaju, digitalisasi dan amalan pengurusan moden secara meluas untuk meningkatkan rantai nilai dalam kalangan perusahaan khususnya dalam industri HGHV. Penerusan pelaksanaan inisiatif peningkatan kemahiran seperti program Akademi dalam Industri mencerminkan usaha berterusan Kerajaan untuk menangani ketakpadanan penawaran dan permintaan bakat. Pelaksanaan program seperti *e-shared prosperity organisation*, geran produktiviti dan amalan baik peraturan juga akan meningkatkan kecekapan perniagaan dan produktiviti merentas semua sektor.

Kesimpulan

Pelaksanaan dasar strategik terkini telah menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang melepasi jangkaan pasaran pada separuh pertama 2024. Trajektori pertumbuhan ini dijangka berterusan sehingga penghujung tahun yang mencerminkan keberkesanan langkah yang diambil dan daya tahan asas ekonomi. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan yang disasarkan antara 4.8% hingga 5.3% pada 2024 boleh dicapai dengan disokong oleh kerangka Ekonomi MADANI serta strategi Belanjawan 2024. Tumpuan kepada pembangunan mampan dan penambahbaikan berterusan membolehkan ekonomi negara kekal berdaya tahan sekali gus mengukuhkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat meskipun berhadapan dengan cabaran global.

Ekonomi global dijangka berkembang stabil pada 2025. Tinjauan positif ini juga secara tidak langsung dijangka dapat membantu

meningkatkan perdagangan serta permintaan domestik bagi barangan dan perkhidmatan. Kemasukan pelancong juga dijangka akan melepasi paras sebelum COVID-19 disokong oleh penganjuran pelbagai program pada peringkat serantau dan antarabangsa serta persediaan Kempen Melawat Malaysia 2026. Selain itu, perkembangan ekonomi domestik

dijangka lebih pesat dengan pelaburan swasta dalam negara yang kukuh terutamanya melalui pelaksanaan GEAR-uP bagi menyokong projek dan program sedia ada di bawah NETR, NIMP 2030 dan NSS. Justeru, ekonomi negara diunjur berkembang antara 4.5% hingga 5.5% pada 2025 ditunjangi oleh pelaksanaan inisiatif strategik yang digariskan.

Rujukan

- ASEAN Foundation. (2024). *AI Ready ASEAN*. https://www.aseanfoundation.org/ai_ready_asean
- ASEAN Secretariat. (2024a, Oktober 7). *ASEAN advantage: Why invest in ASEAN?* <https://investasean.asean.org/about-the-asean-region/view/707/newsid/932/integrated-asean.html>
- ASEAN Secretariat. (2024b). *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)*. <https://asean.org/our-communities/economic-community/integration-with-global-economy/the-regional-comprehensive-economic-partnership-rcep/>
- ASEAN Secretariat. (2024c). *The ASEAN Secretariat Basic Mandate Functions and Composition*. <https://asean.org/the-asean-secretariat-basic-mandate-functions-and-composition/>
- ASEAN Secretariat. (2024d). *The Association of Southeast Asian Nations*. <https://asean.org/>
- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office. (2024). *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO)*. <https://amro-asia.org/>
- Aziz, T. Z. (2024, Januari 16). Malaysia and ASEAN in 2024: Facing challenges with focus and strength. In *Fulcrum*. <https://fulcrum.sg/malaysia-and-asean-in-2024-facing-challenges-with-focus-and-strength/>
- Bank Dunia. (2018, Jun 1). Productivity unplugged: The challenges of Malaysia's transition into a high-income country. *The Malaysia Development Experience Series*. <http://documents.worldbank.org/curated/en/185861527855417221/Productivity-unplugged-the-challenges-of-Malysias-transition-into-a-high-income-country>
- Bank Dunia. (2022, November 17). *Electric vehicles: An economic and environmental win for developing countries*. <https://www.worldbank.org/en/news/feature/2022/11/17/electric-vehicles-an-economic-and-environmental-win-for-developing-countries>
- Bank Dunia. (2024). *The World Bank in Malaysia*. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/overview>
- Bank Negara Malaysia. (2024, September 6). *Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia pada 30 Ogos 2024*. <https://www.bnm.gov.my/-/rizab-antarabangsa-bank-negara-malaysia-pada-30-ogos-2024>
- BERNAMA. (2024, Jun 15). *Malaysia's AI readiness 2nd in ASEAN, 23rd globally: Cybersecurity Malaysia*. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia <https://www.mida.gov.my/mida-news/malysias-ai-readiness-2nd-in-asean-23rd-globally-cybersecurity-malaysia/>
- Biswas, R. (2024, Januari 12). *ASEAN economic outlook in 2024*. S&P Global. <https://www.spglobal.com/marketintelligence/en/mi/research-analysis/asean-economic-outlook-in-2024-jan24.html>
- Capoani, L. (2023, April 26). Review of the Gravity Model: Origins and Critical Analysis of its Theoretical Development. *SN Business & Economics*, 3(5). <https://doi.org/10.1007/s43546-023-00461-0>
- Chaney, T. (2018). The gravity equation in international trade: An explanation. *Journal of Political Economy*, 126(1), 150–177. <https://doi.org/10.1086/694292>
- Deardorff, A. V. (1995). Determinants of bilateral trade: Does gravity work in a neoclassical world? *National Bureau of Economic Research*, 7–32. <https://ideas.repec.org/p/nbr/nberwo/5377.html>
- Feldman, C. (2020, Jun 9). *Sovereign wealth funds could increase equality in a post-COVID world*. World Economic Forum. <https://www.weforum.org/agenda/2020/06/sovereign-wealth-funds-could-increase-equality-in-a-post-covid-world/>
- Fox, J. (2023, Januari 3). *ASEAN Economic Outlook 2023. ASEAN Briefing*. <https://www.aseanbriefing.com/news/asean-economic-outlook-2023/>
- Global SWF. (2024). *2024 annual report: SOIs powering through crises*. <https://globalswf.com/reports/2024annual>

- Gomez, E. T., Padmanabhan, T., Kamaruddin, N., Bhalla, S., & Fisal, F. (2018). *Minister of Finance Incorporated: Ownership and control of corporate Malaysia*. Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-4897-5>
- Hill, C. (2018, Mac 15). Connectivity, competition and contention: Is ASEAN up to the challenge? *Parliament of Australia*. https://www.aph.gov.au/About_Parliament/Parliamentary_departments/Parliamentary_Library/Research/FlagPost/2018/March/ASEAN_connectivity_competition_contention
- InCorp Content Team Malaysia. (2024, September 24). *Leveraging Malaysia as a gateway to ASEAN markets*. InCorp Malaysia. <https://www.incorp.asia/malaysia/blogs/malaysia-gateway-to-asean-markets/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Jadual Input-Output Malaysia, 2021*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024a). *Imbangan Pembayaran Suku Tahunan – Suku Pertama 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024b). *Imbangan Pembayaran Suku Tahunan – Suku Kedua 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024c). *Indeks Harga Pengeluar Bulanan, Ogos 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024d). *Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Indeks Sektor, Julai 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024e). *Indeks Harga Pengguna Bulanan, Ogos 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024f). *Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan 2023*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024g). *Keluaran Dalam Negeri Kasar Suku Kedua 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024h). *Laporan Survei Gaji dan Upah 2022*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024i). *Laporan Survei Tenaga Buruh 2023*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024j). *Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan, Ogos 2024*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024k). *Produktiviti Buruh Suku Kedua 2024*.
- Jawatankuasa Putrajaya Bagi Prestasi Tinggi GLC. (2015). *GLC Transformation Programme Graduation Report 2015*. <https://pcg.gov.my/wp-content/uploads/2023/06/Graduation-Report-Card-2015-August.pdf>
- Kementerian Ekonomi Malaysia, & MyDIGITAL Corporation. (2024). *KL20 Action Paper: Unleashing the full potential of Malaysia's startup ecosystem*. <https://www.kl20.gov.my/wp-content/uploads/2024/04/KL20-Action-Paper.pdf>
- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2022). *Dasar Tenaga Negara, 2022-2040*. https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2022-09/Dasar_Tenaga_Negara_2022-2040.pdf
- Kementerian Ekonomi Malaysia. (2023). *National Energy Transition Roadmap: Energising the nation, powering our future*. https://www.ekonomi.gov.my/sites/default/files/2023-09/National%20Energy%20Transition%20Roadmap_0.pdf
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2023, Oktober 13). *Ucapan Belanjawan 2024: Reformasi ekonomi, memperkasa rakyat*. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/ucapan/ub24.pdf>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2024, Julai 30). *Kenyataan prabelanjawan 2025. Ekonomi MADANI: Ekonomi makmur, rakyat sejahtera* [Siaran media]. <https://www.mof.gov.my/portal/pdf/siaran-media/Kenyataan-Prabelanjawan-2025.pdf>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia. (2020, Januari 21). *National Automotive Policy 2020*. <https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/nap2020>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2024, Ogos 8). *Ekonomi MADANI: Pelaburan langsung domestik RM120 bilion daripada GLIC di bawah program diterajui MoF* [Siaran media]. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/siaran-media/ekonomi-madani-pelaburan-langsung-domestik-rm120-bilion-daripada-glic-di-bawah-program-diterajui-mof>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia. (2022). *Dasar Pelaburan Baharu*. <https://www.miti.gov.my/NIA/index.html>

- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia. (2023). *Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030*. <https://www.nimp2030.gov.my/>
- Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia. (2024, Mei 28). *Speech by YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz Minister of Investment, Trade and Industry for the launch of SEMICON Southeast Asia 2024 on 28 May 2024 at MITEC*. [https://www.miti.gov.my/miti/resources/Speech/\[FINAL\]_YB_MITI_SPEECH_Official_Opening_SEMICON_SEA_2024-05-28.pdf](https://www.miti.gov.my/miti/resources/Speech/[FINAL]_YB_MITI_SPEECH_Official_Opening_SEMICON_SEA_2024-05-28.pdf)
- Kementerian Pengangkutan Malaysia. (2019). *National Transport Policy 2019-2030*. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/10/National-Transport-Policy-2019_2030EN.pdf
- Kementerian Pengangkutan Malaysia. (2024). *Malaysia Aviation Decarbonisation Blueprint*. <https://www.mot.gov.my/en/Pages/Aviation/MADBlueprint%20BI%20FA.pdf>
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, & Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia. (2024). *Dashboard Malaysia Electric Vehicle Charging Network (MEVnet)*. <https://www.planmalaysia.gov.my/mevnet/>
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. (2021). *Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia 2021-2030*. <https://mastic.mosti.gov.my/ms/publication/pelan-hala-tuju-ekosistem-startup-2021-2030/>
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia. (2021). *Low Carbon Mobility Blueprint 2021-2030*. <https://www.mgtc.gov.my/wp-content/uploads/2021/11/Low-Carbon-Mobility-Blueprint-2021-2030.pdf>
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia. (2024a). *Fourth National Communication Report (NC4) under the United Nations Framework Convention on Climate Change*. https://unfccc.int/sites/default/files/resource/NRES_NC4_To%20UNFCCC_2024%20v1.0.pdf
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia. (2024b). *National Climate Change Policy 2.0*. <https://www.nres.gov.my/ms-my/pustakamedia/Penerbitan/National%20Policy%20on%20Climate%20Change%202.0.pdf>
- Lee, C., & Lim, J. (2023, November 24). Supercharging the road to green mobility. *The Star*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/24/supercharging-the-road-to-green-mobility>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2022, Oktober 31). *Malaysia's shift towards green mobility*. <https://www.mida.gov.my/malaysias-shift-towards-green-mobility/>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2023, September 27). *Malaysia well-positioned to lead economic opportunities in ASEAN — Deputy Minister*. <https://www.mida.gov.my/mida-news/malaysia-well-positioned-to-lead-economic-opportunities-in-asean-deputy-minister/>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2024a). *Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC): Reducing bureaucracy, enhancing efficiency, and propelling economic growth*. <https://www.mida.gov.my/invest-malaysia-facilitation-centre-imfc-reducing-bureaucracy-enhancing-efficiency-and-propelling-economic-growth/>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2024b). *Malaysia's E&E Industry*. <https://www.mida.gov.my/publications/malaysias-ee-industry/>
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. (2024c, Julai 2). *Unleashing AI's full potential: The next catalyst for digital growth*. <https://www.mida.gov.my/unleashing-ais-full-potential-the-next-catalyst-for-digital-growth-2/>
- Lim, W.C., McAdoo, M., Ong, G., Saadallah, N., Silalahi, B., Ow, A., Kang, J., & Lee, F. (2023, Mei 3). *How ASEAN can use its trade advantage to power ahead*. Boston Consulting Group. <https://www.bcg.com/publications/2023/asean-free-trade-advantage-to-power-ahead>
- Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia. (2024). *What is Malaysia Healthcare?* <https://www.mhtc.org.my/about-malaysia-healthcare/>
- Ngeow, C. B. (2023, Ogos 21). *How Malaysia views U.S. and Chinese narratives about the world order*. Carnegie Endowment for International Peace. <https://carnegieendowment.org/research/2023/08/how-malaysia-views-us-and-chinese-narratives-about-the-world-order?lang=en>

- Pal, I., & Kar, S. (2021, Februari 25). Gravity Models in international trade: An exploration in Econo-Physics. *South Asian Journal of Macroeconomics and Public Finance*, 10(1), 72–104. <https://doi.org/10.1177/2277978721989922>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2023, Julai 27). *Ekonomi MADANI: Memperkasa rakyat*. <https://www.pmo.gov.my/2023/07/ekonomi-madani-memperkasa-rakyat-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2021, Ogos 12). *GLICs mandate recharge: Launch of Perkukuh Pelaburan Rakyat ("PERKUKUH")*. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2021/08/120821_PERKUKUH_-_YABPM-Speech_-_Finale.pdf
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2024, Mei 28). *Speech text by Prime Minister: National Semiconductor Strategy (NSS): Bridging technology for our shared tomorrow*. <https://www.pmo.gov.my/2024/05/speech-text-by-prime-minister-national-semiconductor-strategy-nss-bridging-technology-for-our-shared-tomorrow/>
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. (2024, September 19). *Trade Performance: August 2024 and January – August 2024*. <https://www.matrade.gov.my/en/links/216-malaysian-exporters/trade-performance-2024/6182-trade-performance-august-2024-and-january-august-2024>
- Perbadanan Produktiviti Malaysia. (2024, Jun 24). *Malaysia can enhance productivity through adoption of AI: Tengku Zafrul*. <https://www.mpc.gov.my/malaysia-can-enhance-productivity-through-adoption-of-ai>
- Persatuan Automotif Malaysia. (2024, Julai 16). *Market review for first half 2024*. https://maa.org.my/pdf/2024/Market_Review_First_Half_2024.pdf
- Reuters Plus. (2024, Februari 8). *Malaysia driving for a green economy*. <https://www.reuters.com/plus/malaysia-driving-for-a-green-economy>
- Startup Genome. (2024, Jun 10). *The Global Startup Ecosystem Report 2024*. <https://startupgenome.com/reports/gser2024>
- Strangio, S. (2024, Mei 29). Malaysia unveils plans to become next global chip hub. *The Diplomat*. <https://thediplomat.com/2024/05/malaysia-unveils-plans-to-become-next-global-chip-hub/>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2024). *World Economic Outlook Update, July 2024*. <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2024/07/16/world-economic-outlook-update-july-2024>
- U.S. Mission to ASEAN. (2024). *Success stories*. <https://asean.usmission.gov/success-stories>
- United Nations Conference on Trade and Development. (2024). *World Investment Report 2024: Investment facilitation and digital government*. https://unctad.org/system/files/official-document/wir2024_en.pdf
- Wahyudi, S. T., & Anggita, R. S. (2016). The Gravity Model of Indonesian Bilateral Trade. *International Journal Social and Local Economic Governance*, 1(2), 153–156. <https://doi.org/10.21776/ub.ijleg.2015.001.02.9>
- World Economic Forum. (2024, September 25). *Malaysia is emerging as a new semiconductor powerhouse*. <https://www.weforum.org/videos/malaysia-semiconductors/>
- World Semiconductor Trade Statistics. (2024, Jun 4). *The World Semiconductor Trade Statistics (WSTS) has released its latest forecast for the global semiconductor market, anticipating robust growth in 2024 and 2025*. https://www.wsts.org/esraCMS/extension/media/f/WST/6558/WSTS_FC-Release-2024_05.pdf
- Xing, Y., & Pradhananga, M. (2013, Julai). *How important are exports and foreign direct investment for economic growth in the People's Republic of China?* (ADB Working Paper No.427). Asian Development Bank Institute. <https://www.adb.org/sites/default/files/publication/156282/adbi-wp427.pdf>
- Zainul, E., & Choy, N. Y. (2024, Mei 28). Govt allocates RM25b for National Semiconductor Strategy. *The Edge Malaysia*. <https://theedgemalaysia.com/node/713284>